




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUAABELAS 2010**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LIS
AN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI KHAMIS: 18 MAC 2010

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.
Sidek/jwp.2010**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LIS
AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO.
11 HINGGA 72)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10 [RUJUK
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

SELASA: 16 MAC 2010 [SIDEK]

Soalan No: 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN . LISAN
DARIPADA Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJIAHMAD
(SIPITANG)

TARIKH 18.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan susulan yang sudah diambil terhadap 45 kontraktor projek 'Sakit' Kementerian Pelajaran yang sudah diberi peringatan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sebanyak 45 projek yang telah dikategorikan sebagai projek sakit. Jumlah ini mewakili 0.32 peratus berbanding keseluruhan 14,181 projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5 kontraktor telah ditamatkan kontrak mengikut syarat-syarat kontrak. Surat Amaran Kemungkiran Kontrak akan dikeluarkan kepada 33 kontraktor dan 7 kontraktor lagi telah dipertimbangkan untuk Tempoh Lanjutan Masa (*EOT*). Sekiranya prestasi fizikal masih tidak memuaskan ianya akan diteruskan dengan proses penamatan kontrak.

SOALAN (12)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	18 MAC 2010 (KHAMIS)
DARIPADA	Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTISALLEH (KUANTAN)

SOALAN

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan fakta berkenaan jumlah rumah kos rendah yang terbengkalai di seluruh negara begitu tinggi iaitu 4,849 unit, manakala 7,603 unit adalah kos sederhana rendah. Ini menyebabkan hartanah yang bernilai berbilion-bilion tergantung tanpa memberikan pulangan. Adakah pemaju-pemaju yang gagal menyiapkan projek sehingga terbengkalai dihadap ke mahkamah selain daripada menyenarai hitamkan mereka dan jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasanya kesemua pemaju yang melanggar peruntukan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) serta Peraturan-Peraturan yang berkaitan telah diambil tindakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sama ada dengan cara menyenarai hitam, kompaun atau mendakwa

mereka di mahkamah.

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 545 pemaju dikompaun oleh Kementerian atas kesalahan iklan berbeza daripada yang diluluskan oleh Kementerian di bawah subperaturan 5(1A) dan 6(1) Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, tidak menghantar laporan kemajuan projek di bawah subseksyen 7(f) Akta 118 dan tidak menghantar laporan kewangan dan laporan juruaudit kepada Kementerian di bawah subseksyen 7(e) Akta 118. Jumlah kutipan kompaun bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM2,606,600.00.

Tindakan ini adalah turut terpakai ke atas syarikat pemaju yang lewat atau gagal menyiapkan projek perumahan, mengikut peruntukan di dalam Akta 118.

Selain itu, sebanyak 392 kes yang melibatkan 117 pemaju telah didaftarkan di mahkamah bagi tindakan pendakwaan. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 449 kes telah berjalan di mahkamah di mana 14 kes telah disabitkan kesalahan, 77 kes dilepaskan tanpa dibebaskan dan selebihnya masih dalam perbicaraan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Mac 2010

NO.AUM : 4

NO. AUP : 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]

TARIKH 18 MAC 2010

RUJUKAN 2357

SOALAN:

Dato* Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penjenayah yang ditembak mati dan ditangkap dalam tempoh tiga tahun lalu mengikut kes jenayah serta kerakyatan yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Setiu yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sejak

tahun 2007 hingga Disember 2009, seramai 183 orang penjenayah telah ditembak mati dan 336 telah ditangkap kerana terlibat dalam kes samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, dan samun tanpa bersenjata api.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam tempoh yang sama, terdapat sejumlah 387 kes samun berkawan bersenjata api, 53,403 kes samun berkawan tanpa bersenjata api, 333 kes samun bersenjata api, dan 27,136 kes samun tanpa bersenjata api telah dilaporkan.

Daripada jumlah 183 orang penjenayah yang ditembak mati dan 336 orang yang ditangkap, pecahan mengikut bangsa adalah seperti berikut:

BANGSA	PPWB1		KAP		EMBA		K MAI		V- ^>iiililil ii;
	2007	2008	2009	JU M	2007	2008	2009	JUM	
MELAYU	23	30	43	96	3	7	15	25	
CINA	25	73	34	132	4	9	9	22	
INDIA	5	22	15	42	3	11	23	37	
INDONESIA	0	10	7	17	2	54	34	90	
NEGRO	0	0	0	0	0	1	0	1	
VIETNAM	1	2	0	3	0	0	5	5	
THAILAND	9	3	0	12	0	0	1	1	
BUMIPUTERA	1	0	0	1	1	0	1	2	
LAIN-LAIN	3	13	17	33					
JUMLAH	67	153	116	336	13	82	88	183	

MAKLUMAT TAMBAHAN

Perangkaan kes-kes jenayah yang membabitkan penggunaan senjata / senjata api bagi tempoh tiga tahun dari 2007 hingga 2009 adalah seperti berikut:

, yKes.Jenaya,h'i,>- j;4^v •, •- . , - v . - • •	V'YJ', BMHWI fv^uUm 2007 * * * * * * * *	M CO	tV2009	>r' Jumlah Keseluruhan
Samun Berkawan Bersenjata Api	77	182	128	387
Samun Berkawan Tanpa Bersenjata Api	7,067	21,804	24,532	53,403
Samun Bersenjata Api	202	76	55	333
Samun Tanpa Bersenjata Api	17,241	4,959	4,936	27,136
Jumlah	24,587	27,021	29,642	81,250

LISAN

NO SOALAN : 14

Y.B TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)

**18.03.2010 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
(KHAMIS)**

PERTANYAAN

SOALAN: **DARIPADA**

Minta	TARIKH	MENTERI	PERTAHANAN
menyatakan bilangan anggota ATM berketurunan bukan Melayu dan sama ada kajian dilakukan dalam memahami sebab sebenar kekurangan penyertaan mereka dalam ATM dan sama ada usaha telah dilakukan bagi memulihkan keadaan.			

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penyertaan bukan Melayu di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) semasa ialah 17,521 orang iaitu sebanyak 15.25 peratus (%) daripada kekuatan ATM.

Kementerian mengakui bahawa penyertaan kaum bukan Melayu di dalam perkhidmatan ATM masih berkurangan, namun terdapat peningkatan sejak kebelakangan ini. Kajian telah dilakukan dan mendapati kaum bukan Melayu kurang berminat disebabkan perkhidmatan ATM yang mengamalkan disiplin yang tinggi, keadaan tugas yang rigid, memerlukan semangat juang yang kental dengan meletakkan nyawa dan anggota sebagai satu pengorbanan serta kebebasan masa yang terhad bagi kepentingan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa berusaha menarik minat golongan bukan Melayu untuk menyertai ATM. Di antara langkah-langkah yang telah dilakukan adalah seperti berikut:

- (1) Mengadakan promosi-promosi kerjaya di IPTA/IPTS/Sekolah-sekolah.

- (2) Mengadakan ‘*road tour*’ mempromosikan kerjaya ketenteraan di sekolah-sekolah terpilih.
- (3) Mengadakan sesi penerangan berhubung aspek ketenteraan semasa Pameran LIMA, DSA dan Hari Ulangtahun ATM (Darat, Laut dan Udara).
- (4) Mengadakan hebahan melalui media cetak dan elektronik termasuk akhbar berbahasa Cina dan India.
- (5) Mengadakan ‘*Joint Promotion*’ dengan jabatan awam negeri seperti Badan Kebudayaan Negeri, AADK, Jabatan Pendidikan Negeri.
- (6) Pameran kerjaya bersama-sama dengan persatuan- persatuan negeri seperti Persatuan Sivik India sempena Perayaan ‘Unggal Punggal’.
- (7) Promosi dan syarat memasuki perkhidmatan ATM melalui laman web rasmi ATM dan juga melalui Jobs Malaysia.

SOALAN NO: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

TARIKH: 18 MAR 2010

SOALAN:

Y.B. Ir. Haji Hamira Bin Samuri [Ledang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sejauh mana kejayaan terhadap langkah Kerajaan untuk mengoptimumkan sumber tenaga kerja di kalangan rakyat tempatan dan sekali gus mengurangkan penggantungan buruh asing yang semakin meningkat dalam sektor tertentu ketika ini.

PR-1231-L35829

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar pengangguran di Malaysia ialah 3.4% atau lebih kurang 340,000 orang rakyat Malaysia yang tidak bekerja. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, peluang-peluang pekerjaan masih banyak tetapi pekerja tempatan yang terlalu memilih pekerjaan dimana mereka lebih suka bekerja dalam suasana kerja yang selesa dan berhawa dingin, jangka waktu bekerja yang pendek. Rakyat tempatan juga langsung tidak berminat untuk bekerja di sektor-sektor tertentu seperti perladangan, pembinaan dan perkhidmatan seperti di restoran.

Untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja ini, Kerajaan tidak ada pilihan melainkan terpaksa meluluskan permohonan pengambilan pekerja asing seperti di sektor perladangan yang begitu ketara kekurangan pekerja dari kalangan rakyat tempatan. Sekiranya Kerajaan tidak membenarkan kemasukan pekerja asing, maka industri perladangan negara akan terjejas teruk dan ianya akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Perlu ditegaskan disini bahawa kemasukan pekerja asing adalah untuk mengisi kekosongan jawatan yang tidak dapat diisi oleh rakyat tempatan dan bukannya pekerja asing merebut peluang pekerjaan rakyat tempatan.

Walaupun Kerajaan membenarkan pengisian jawatan oleh pekerja asing dalam sektor pekerjaan tertentu, Kementerian saya juga telah berusaha dengan pelbagai cara untuk meningkatkan penggajian pekerja tempatan seperti melalui portal *JobsMalaysia* dan Program Penempatan Pekerjaan (3P) dan program-program lain. Jumlah penempatan dari 1 Januari 2009 hingga 17 Mac 2010 ialah sebanyak 102,757.

Disamping itu, untuk mengatasi masalah kebergantungan negara kepada pekerja asing, Kerajaan juga telah meminta syarikat-syarikat yang memohon pekerja asing supaya menaikkan kadar upah bulanan pekerja dengan harapan akan menarik rakyat tempatan untuk bekerja dalam sektor berkenaan. Sehingga kini, sebanyak 18 majikan telah menaikkan gaji pekerjanya secara sukarela.

SOALAN (16)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

: LISAN

PERTANYAAN

TARIKH **18 MAC 2010 (KHAMIS)**

DARIPADA **Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
(TANJONG)**

SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan mengkaji semula kaedah-kaedah mengambil-alih pengurusan sisa-sisa pepejal dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan adakah Perbadanan Sisa Pepejal akan mengeluarkan lesen-lesen kepada PBT untuk memberi perkhidmatan di negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menswastakan pengurusan sisa pepejal pada 6 September 1995 kepada syarikat-syarikat yang berjaya melalui tawaran tender terhad. Proses pengambilalihan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal diambil alih oleh syarikat-syarikat yang berjaya mengikut kaedah yang telah terbukti sesuai dan telah digunakan oleh semua projek-projek penswastaan Kerajaan.

Apabila Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) dikuatkuasakan, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan

awam hanya boleh diberikan oleh syarikat-syarikat yang berlesen sahaja. Mengikut Akta 672, permohonan bagi mendapatkan lesen-lesen perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2010

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TAN AH ENG

[GELANG PATAH]

TARIKH : 18 MAC 2010

SOALAN :

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) langkah-langkah untuk mengatasi masalah denggi yang semakin meningkat; dan
- (b) langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan klinik IMalaysia supaya lebih menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani masalah denggi, Kementerian Kesihatan Malaysia telah merangka dan melaksanakan Pelan Strategik Denggi Kebangsaan 2009-2013 pada bulan April 2009, seperti yang dimaklumkan di sesi Parlimen yang lepas. Pelan yang mempunyai 7 strategi utama bertujuan untuk mengurangkan kes denggi sebanyak 10% setiap tahun, dengan mensasarkan pengurangan kes denggi sebanyak 50% selepas 5 tahun pelaksanaan iaitu dari 49,335 kes dalam tahun 2008 kepada 21,430 kes pada tahun 2013.

Untuk makluman, perlaksanaan Pelan Strategik tersebut telah menunjukkan hasil yang positif. Pada akhir tahun 2009, sejumlah 41,486 kes yang dilaporkan, menurun sebanyak 16% berbanding sebanyak 49,335 kes dilaporkan pada tahun 2008. Sehingga 6 Mac tahun ini, sejumlah 9,423 kes denggi telah dilaporkan, iaitu penurunan sebanyak 14% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2009 (10,916 kes).

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian masih memandang serius dengan masalah denggi. Meskipun bilangan kes telah menunjukkan tren penurunan, bilangan kes denggi yang dilaporkan masih lagi tinggi yang menyebabkan penderitaan kepada pengidapnya dan lebih malang lagi ia boleh membawa maut. Pada tahun ini, bilangan kematian menunjukkan sedikit peningkatan dengan 34 kematian dilaporkan sehingga 6 Mac 2010, berbanding 30 kes dalam tempoh sama pada tahun 2009.

Kementerian Kesihatan memantau keadaan denggi setiap hari dan mengeluarkan peringatan kepada Jabatan Kesihatan Negeri jika terdapat peningkatan kes denggi, agar langkah-langkah pencegahan dapat diambil bagi menghalang kes denggi dari terus meningkat. Umpamanya, pada 28 Januari tahun ini, Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia mengenai "*Dengue Alert: Peningkatan Kes Denggi Di Seluruh Negara*" Bil. 3/2010 telah dikeluarkan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri. Disamping itu, Kementerian Kesihatan juga telah mengadakan mesyuarat pada 3 Mac 2010 antara Ketua Pengarah Kesihatan dengan pegawai-pegawai dari Negeri dan

Daerah yang bermasalah dengan bagi membincangkan keberkesanan aktiviti kawalan denggi. Hasil dari mesyuarat tersebut tujuh rumusan telah dibuat untuk dilaksanakan oleh pihak Negeri dan daerah seperti berikut;

- a. Memperkuatkannya aktiviti Kesihatan Awam khususnya dalam aspek kebersihan, pemusnahan tempat pembiakan dan komunikasi risiko.
- b. Meningkatkan peranan dan kerjasama pengamal perubatan primer dalam diagnosis dan pelaporan kes denggi.
- c. Memperkuatkannya pengurusan kes-kes denggi di hospital oleh Pasukan Rawatan Khas Denggi.
- d. Semua negeri dan daerah diarahkan memantau dan mematuhi *Key Performance Indicator (KPI)* kawalan denggi yang telah ditetapkan.
- e. Mengambil tindakan segera dan cekap terhadap semua kes denggi yang telah dilaporkan.
- f. Mempertingkatkan aktiviti penguatkuasan terhadap premis yang membiak Aedes termasuk pengamal perubatan yang gagal melaporkan kes denggi.
- g. Menekankan bahawa pencegahan dan kawalan denggi adalah tanggungjawab semua pihak. Namun begitu Kementerian Kesihatan akan terus menerajui usaha-usaha memerangi wabak denggi.

Peranan masyarakat dalam pencegahan denggi juga diperingkatkan melalui pelaksanaan Program COMBI (*Communication For Behavioural Impact*) di kawasan-kawasan bermasalah Denggi dan Chikungunya bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan denggi. Program ini dilaksanakan dengan memperkasa masyarakat melalui pembentukan pasukan sukarelawan untuk membantu dalam mengubah sikap warga setempat supaya lebih peka dan prihatin terhadap Demam Denggi dan memastikan persekitaran kediaman mereka bersih dan bebas Aedes. Sehingga Disember 2009 sejumlah 661 lokaliti telah menubuhkan COMBI dimana 408 (62%) daripada lokaliti ini dapat mengurangkan atau tiada peningkatan kes denggi berlaku di lokaliti mereka.

Perlu ditegaskan, denggi hanya boleh dikawal jika tiada Aedes. Oleh itu,

penghapusan tempat-tempat pemberian adalah amat kritikal dalam menentukan kejayaan program kawalan denggi. Pengasapan kabus (fogging) racun serangga semata-semata tidak akan dapat mengawal denggi kerana nyamuk baru akan menjelma dari tempat-tempat pemberian yang tidak dihapuskan. Penghapusan tempat-tempat pemberian akan hanya dapat dilakukan dengan kejasama dan penglibatan masyarakat, kerana sebahagian besar daripada tempat-tempat pemberian ini ditemui di dalam dan di persekitaran rumah, pejabat dan sekolah. Kawasan-kawasan bermasalah denggi masih mempunyai tempat-tempat pemberian yang tinggi. Melalui penguatkuasaan yang dilaksanakan pada tahun 2009, pemberian Aedes ditemui di 46,848 premis daripada 3,510,612 premis yang diperiksa. Tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap peremis ini di mana sebanyak 17,423 kompaun telah dikeluarkan dengan nilai RM 2,933,523. Sementera itu sebanyak 1,318 kes telah dirujuk ke mahkamah di mana 1,299 kes telah didenda dengan nilai RM 83,852. Bagi tahun 2010, sehingga bulan Januari sejumlah 281,994 premis telah diperiksa dan 6,602 daripadanya mempunyai pemberian Aedes. Sebanyak 1,443 daripada premis ini telah dikenakan kompaun berjumlah RM 243,550 dan 32 daripada 120 kes yang dirujuk ke mahkamah telah dikenakan denda bernilai RM 5,010.

Sekali lagi, saya ingin menegaskan bahawa pencegahan penyakit demam denggi merupakan tanggungjawab semua pihak dan ahli masyarakat. Oleh itu saya ingin menyeru kepada semua ahli Parlimen agar memainkan peranan masing-masing membantu kerajaan memerangi penyakit demam denggi, di kawasan masing-masing, khususnya dalam menggerakkan masyarakat bagi menghapuskan tempat-tempat pemberian Aedes. Tiada Aedes, tiada Denggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan perkhidmatan Klinik 1 Malaysia supaya lebih menyeluruh, iaitu:

- (a) Menambah jawatan Penolong Pegawai Perubatan (PPP) dan Jururawat dengan memohon dibawah ABM dan Dasar Baru. Sebanyak 100 jawatan telah diluluskan bagi Pembantu Pegawai Perubatan, Jururawat dan

Pembantu Perawat Kesihatan.

- (b) Menyediakan maklumat Klinik 1 Malaysia di dalam laman web di *myhealth portal* yang mengandungi risalah klinik 1 Malaysia di dalam 3 bahasa.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA: TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
[SIK]**

TARIKH : 18 MAC 2010

SOALAN :

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengenai gejala penagih air daun ketum yang berleluasa di kalangan belia di kawasan luar bandar yang mana air ketum yang telah diadun semula ini didapati merbahaya mencapai taraf dadah. Bila lagi Kementerian akan membentangkan Akta baru yang membolehkan penyalahgunaan air ketum ini didakwa di bawah Akta Dadah Merbahaya

Tuan Yang di-Pertua,

Daun Pokok Ketum atau nama saintifiknya *Mitragyna speciosa* dilaporkan mengandungi banyak bahan alkaloid psikoaktif terutamanya mitraginin yang boleh memberi kesan stimulan, sedatif dan euforik. Pada dos yang rendah, ia mempunyai kesan rangsangan di mana pengguna akan berasa bertenaga, rasa sihat dan ceria. Manakala pada dos yang tinggi, ia akan memberi kesan sedatif dan euforia . Kesan psikoaktif daun ketum akan dapat dirasai dalam masa 5-10 minit selepas mengambilnya dan akan berterusan selama 2 hingga 5 jam. Kesan sampingan akut termasuklah rasa loya, rasa gatal, berpeluh-peluh, rasa bibir kering, kerap membuang air dan sembelit.

Kawalan ke atas air ketum akan diperketatkan lagi apabila Rang Undang- Undang Farmasi yang dijangka akan dibentang dalam Parlimen pada sesi Jun ini.

Beberapa peruntukan yang lebih spesifik bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan yang diantaranya termasuklah memiliki daun ketum, menanam pokok ketum dan larangan menggunakan premis untuk mengendalikannya serta penalti yang lebih *deterent* termasuklah hukuman penjara.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA: TUANHAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

[HULU TERENGGANU]

TARIKH : 18 MAC 2010

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan ubat dan rawatan tiruan.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengawal penjualan ubat/rawatan tiruan adalah seperti berikut:

1. Mewajibkan semua ubat berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Semua bungkusan ubat hendaklah dilabel dengan nombor pendaftaran serta hologram.
3. Pengguna boleh memastikan ketulenan hologram dengan menggunakan hologram *decoder* yang telah diagihkan kepada premis-premis farmasi.
4. Kempen "Kenali Ubat Anda" diteruskan bagi mengurangkan permintaan orang ramai kepada ubat-ubatan tiruan.

1

5. Jumlah rampasan ubat-ubatan palsu oleh Bahagian Penguatkuasa Farmasi KKM, mengikut tahun, nilai rampasan dan jenis ubat dirampas serta denda mahkamah adalah seperti berikut:

Tahun	Nilai Rampasan	Bilangan Tenis Ubat	Denda
2006	RM 7.8 Juta	28,018	RM 952,000.00
2007	RM 29.3 Juta	21,223	RM 986,550.00
2008	RM 7.4 Juta	20,437	RM1,133,890.00
2009	RM 10.2 Juta	19,720	RM1,560,870.00

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR HIEW KING CHEU

[KOTA KINABALU]

TARIKH : 18 MAC 2010

SOALAN :

♦

Dr Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapa masalah tempat meletak kereta di Poliklinik Luyang, Elizabeth Hospital 1 dan 2 tidak dapat diselesaikan dengan segera dan bilakah pagar-pagar dan mesin X-Ray di Poliklinik Luyang dapat dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani masalah kekurangan tempat meletak kereta di Klinik Kesihatan Luyang, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah mendapat kelulusan daripada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) untuk membina tempat letak kereta sementara di Taman Bestari untuk 33 lot meletak kereta. Mengenai pembaikan pagar, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima cadangan pembaikan pagar daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dengan anggaran kos yang diperlukan dan tender kerja pembaikan tersebut akan diuruskan tahun ini juga.

Berhubung dengan mesin X-ray di Poliklinik Luyang, adalah dimaklumkan bahawa mesin X-Ray baru telah selesai dipasang dan mesin tersebut telah mula beroperasi pada 3 Januari 2010.

Mengenai tempat letak kereta di HQE, HQE 1 mempunyai sejumlah 792 petak tempat letak kereta di kawasan hospital termasuk satu kompleks tempat letak kereta 3 tingkat yang boleh menampung 536 petak.

Di HQE 2 terdapat 178 petak tempat letak kereta dan bagi menangani masalah kekurangan tempat letak kereta di HQE 2, perkhidmatan bas ulangalik (*shuttle*) telah

disediakan bagi mengangkut orang awam ke HQE 2 daripada 3 lokasi yang boleh digunakan untuk meletak kereta mereka iaitu daripada HQE 1, Dewan Masyarakat Damai dan Kompleks Sukan Likas. Projek naiktaraf di Hospital Queen Elizabeth 2 yang dijangka siap pada penghujung tahun ini akan menyediakan 327 petak lagi.

Soalan No :

21 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN DARIPADA Y.B. DATO'HENRY SUM AGONG

(LAWAS)

TARIKH 18.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa buah sekolah (SK dan SMK) di kawasan Parlimen Lawas yang mendapat kelulusan bina baru/semula dan di naik taraf di bawah RMK-10, berapa kos projek dan bila pelaksanaan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMKe-9 untuk Parlimen Lawas, sebuah Sekolah Kebangsaan (SK) telah di naik taraf dengan kos RM 18.2 juta dan projek ini adalah dalam proses pembinaan. Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan SMK Lawas dalam RMKe-10 akan dikaji dengan teliti sebelum diberi pertimbangan. Pertimbangan juga akan mengambil kira keperluan semasa dan kemampuan kewangan Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

BERTANYAAN :

JAWAB LISAN

TUAN SALLEH BIN KALBI

TARIKH

18 MAC 2010 (KHAMIS) NO.22

SOALAN

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan cawangan institusi pengajian tinggi serta pusat latihan kemahiran di kawasan pantai timur Sabah khasnya di Parlimen Silam yang masih dalam keadaan mundur dalam usaha menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), politeknik dan kolej komuniti dirancang dan dilaksanakan setelah mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan tiada halangan terhadap penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) terutama IPTS yang memberi tumpuan kepada program kritikal seperti perubatan, farmasi dan kejuruteraan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

Sehingga Januari 2010, dua buah politeknik sudahpun ditubuhkan di negeri Sabah iaitu Politeknik Kota Kinabalu dan Politeknik Sandakan. Politeknik Sandakan yang terletak di kawasan pantai timur Sabah, sedang beroperasi di kampus sementara dengan 68 orang pelajar. Kampus kekal Politeknik Sandakan dijangka akan siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh yang mampu menampung kapasiti seramai 2,400 orang pelajar. Justeru, kemudahan yang ada ini juga boleh dimanfaatkan bersama oleh penduduk di kawasan Parlimen Silam.

Pada masa ini, kementerian belum bercadang untuk menambah bilangan IPTA sedia ada di seluruh negara dan kementerian juga belum bercadang untuk menubuhkan politeknik dan kolej komuniti di Parlimen Silam. Cadangan penubuhan politeknik dan kolej komuniti mungkin boleh dipertimbangkan pada masa hadapan jika terdapat keperluan yang mendesak berdasarkan keadaan semasa.

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
(KUALA NERUS)
TARIKH 18.03.2010 (KHAMIS)

NO SOALAN 23

DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

menyatakan mengenai status cadangan untuk menghadkan pemberian subsidi minyak petrol kepada warganegara dan bukan warganegara dan adakah Kerajaan benar-benar bersedia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan bahawa penyaluran subsidi Kerajaan sampai kepada golongan sasaran ini termasuklah subsidi bagi produk petrol dan diesel. Selaras dengan hasrat tersebut, Kerajaan telah bercadang untuk menstrukturkan semula subsidi petroleum. Namun di atas keprihatinan Kerajaan setelah mendapat pelbagai maklumbalas daripada rakyat, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membatalkan cadangan pelaksanaanya

sehingga kajian komprehensif dilakukan. Pengumuman berhubung perkara ini telah dibuat pada 4 Mac 2010. Walau bagaimanapun Kerajaan telah mewujudkan *Subsidy Rationalization Lab* bagi mengkaji mekanisme terbaik mengenai pelaksanaan penyaluran subsidi termasuklah bahan petroleum.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib (Langkawi)

TARIKH

18 Mac 2010 (Khamis)

SOALAN

: Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRIASAS TANI menyatakan:

- a) Adakah Kementerian berpuas hati dengan peranan dan prestasi Pusat Pendaratan Ikan Tima di Batu Maung, Pulau Pinang; dan
- b) Berapakah jumlah pelaburan yang dibuat oleh LKIM setakat ini terhadap projek tersebut.

JAWAPAN

- : a) Pelabuhan Tuna Antarabangsa Batu Maung, Pulau Pinang ditubuhkan sebagai peneraju pusat pendaratan ikan tuna negara. Potensi pembangunan pelabuhan ini yang merupakan satu-satunya pelabuhan pendaratan tuna negara dan mampu menjadi pengeksport tuna utama di rantau ini. Lokasi pelabuhan ini sangat strategik untuk pengeksportan tuna yang berkualiti tinggi kerana terletak berdekatan dengan Lapangan Terbang Bayan Lepas. Lokasi pelabuhan juga

SOALAN NO: 24

merupakan pintu masuk utama bagi tangkapan tuna di utara Lautan Hindi. Industri hiliran tuna juga mampu berkembang dan mempunyai pasaran di luar negara serta mampu menyaingi negara-negara pengeksport tuna seperti Indonesia, Singapura dan Thailand. Oleh yang demikian, pembinaan pelabuhan tersebut adalah sebagai peneraju industri tuna negara yang berpotensi tinggi ketika itu.

Walau bagaimanapun, rekod pendaratan ikan tuna dan vesel tuna yang mendarat di pelabuhan tersebut bagi tahun 2006 sehingga tahun 2009 adalah tidak memberangsangkan iaitu seperti berikut

Tahun	Bil. Vesel	Pendaratan (tan metrik)
2006	106	1,854,859
2007	136	1,709,547
2008	114	2,216,002
2009	85	1,437,985

Bilangan vesel yang menggunakan pelabuhan telah menurun kerana faktor peningkatan kos operasi. Ini menyebabkan syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai lesen/ permit tuna telah menghentikan operasi mereka. Kesannya, pengendalian ikan tuna juga menurun secara drastik. Selain itu, pelabuhan ini juga menghadapi persaingan dengan pusat-pusat pendaratan

di negara jiran seperti Phuket, Thailand; Bali, Indonesia dan Mindanao, Filipina yang boleh menerima dengan banyak pendaratan ikan tuna.

- b) MITP merupakan syarikat usahasama antara Bindforce Sdn. Bhd. (BSB) dengan pegangan ekuiti sebanyak 60 peratus dan LKIM bagi pihak Kerajaan sebanyak 40 peratus bagi membangunkan kompleks perikanan tuna secara penswastaan di Batu Maung, Pulau Pinang.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tidak membuat pelaburan secara langsung dalam MITP tetapi ekuiti 40 peratus LKIM di dalam MITP adalah menerusi permodalan (*capitalization*) sewa pajakan tanah yang terlibat.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Dato' Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]

TARIKH : 18 Mac 2010 (KHAMIS)

SOALAN : Dato' Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI AS AS TANI menyatakan :-

sama ada Kerajaan Pusat melalui Kementerian beliau mempunyai perancangan atau terfikirpun untuk mendirikan pusat latihan kursus pertanian ala-cara moden di Pedalaman Sabah terutama sekali kepada petani-petani diluar bandar, misalnya di Kawasan Parlimen Keningau, supaya mereka dan generasi muda akan menjadi petani produktif dan maju.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI AS AS TANI

Latihan bagi peladang di negeri Sabah dilaksanakan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang memperuntukan sebanyak RM168,549.00 bagi tahun 2009 untuk kursus/latihan melibatkan seramai 2,026 orang peladang. Bagi tahun 2010 (sehingga Februari 2010), sebanyak RM30,000.00 telah diperuntukkan untuk tujuan latihan. Pada tahun 2009 juga, LPP telah menganjurkan kursus bagi peladang dari Daerah Keningau yang melibatkan 99 orang peladang.

Di samping itu, di bawah Jabatan Pertanian Sabah juga telah diwujudkan dua buah pusat latihan iaitu:

SOALAN NO: 25

i) Institut Pertanian Sabah di Timbang Menggaris, Kota Belud yang mempunyai matlamat seperti berikut:

- Mengeluarkan tenaga mahir dalam bidang pertanian bagi memenuhi tenaga kerja dalam sektor kerajaan dan swasta;
- Memberi latihan kemahiran dan Pengkhususan untuk mewujudkan bakal usahawan pertanian; dan
- Membantu mempercepatkan transformasi sektor pertanian.

ii) Pusat Latihan Vokasional Pertanian (AVTC) untuk:

- Melatih para belia dan beliawanis sebagai pekerja di peringkat sub-operatif;
- Memberi pengetahuan vokasional dalam bidang pertanian khususnya tanaman sawit dan koko kepada lepasan sekolah terutama sekali yang berasal dari luar Bandar; dan
- Memberi latihan daya kepimpinan dan perhubungan awam

Dengan pusat latihan sedia ada, buat masa ini belum ada perancangan untuk mewujudkan pusat latihan kursus pertanian di pedalaman Sabah dan Daerah Keningau.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**

DARIPADA **DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**

TARIKH **18 MAC 2010 (KHAMIS)**

SOALAN **N0.26**

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah perlaksanaan dan perjalanan pilihanraya kampus IPTA berlangsung sebagai pilihanraya yang bersih dan memenuhi kehendak prinsip serta amalan demokrasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah memberi kuasa kepada Naib Canselor dalam menguruskan proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di setiap IPTA. Kementerian berpendapat IPTA mampu menjalankan amanah yang diberikan ini dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan proses pemilihan berjalan lancar dan tidak mengganggu proses pembelajaran di IPT.

Pelaksanaan pemilihan MPP pada masa ini dibuat melalui pengundian yang diuruskan dan diselaraskan oleh dekan fakulti, ketua sekolah, pusat, akademik atau institut mengikut mana-mana

yang berkenaan. Lazimnya pengundian dijalankan secara manual di mana pelajar-pelajar berdaftar akan diberi kertas undi dan memangkah mana-mana calon yang dipilih ketika hari pemilihan.

Sejajar dengan perkembangan era teknologi yang semakin maju dan mencabar, 15 buah IPTA telah menjalankan pemilihan MPP menggunakan kaedah elektronik iaitu secara e-undi dan ianya juga merupakan satu kaedah pemilihan secara undi rahsia. Sistem e-undi adalah telus kerana setiap calon, wakil atau agennya akan diberi taklimat secara terperinci tentang kaedah e-undi oleh pihak yang bertanggungjawab menjalankan pemilihan MPP di universiti yang terlibat. Setiap calon, wakil atau agennya boleh memeriksa perkakasan dan perisian komputer yang digunakan bagi memastikan kesahihan dan ketelusan sistem yang digunakan. Pihak universiti juga melantik firma juruaudit berkecuali untuk mengaudit sistem dan perkakasan komputer yang digunakan bagi menjamin ketelusan sistem e-undi.

Pelaksanaan dan perjalanan pemilihan MPP sememangnya Setiap berlangsung dengan bersih dan memenuhi kehendak demokrasi seperti amalan pilihanraya umum negara. Setiap calon dan pengundi diberikan hak untuk menentukan calon pilihan mereka dan mereka juga boleh membuat sebarang bantahan jika tidak berpuas hati dengan keputusan pemilihan. Terdapat beberapa jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pusat, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Rayuan yang terdiri dari para pegawai dan

pensyarah yang bersikap berkecuali dan profesional. keputusan juga akan diaudit dari semasa ke semasa.

NO. SOALAN : 27

**PERTANYAAN
DARI PAD A**

**LISAN
TUAN HASBI BIN
HABIBOLLAH (LIMBANG)**

TARIKH

18 MAC 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Hasbi bin Habibollah (Limbang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah setakat peningkatan prestasi terhadap sistem penyampaian yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan semenjak 1 Malaysia diperkenalkan pada tahun 2009.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Pelbagai inisiatif telah diadakan oleh Kerajaan untuk menyokong gagasan 1 Malaysia yang telah diperkenalkan, dengan komitmen “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” supaya terus berusaha untuk meningkatkan lagi kecekapan jentera Kerajaan dalam memberi perkhidmatan, melaksanakan projek-projek dan menyampaikan hasil yang positif bagi memanfaat rakyat jelata.

Inisiatif yang paling utama ialah pelancaran dan pelaksanaan Pelan Halatuju Program Transformasi Kerajaan (PTK) atau *Government Transformation Program (GTP) roadmap* hasil dari inisiatif menggunakan kaedah pengurusan prestasi seperti *Key Performance Indicators (KPI)* dan makmal secara intensif. Huraian lanjut mengenai GTP roadmap telah diutarakan dalam Dewan Rakyat semasa saya menjawab soalan-soalan lisan pada 17 Mac 2010. Satu salinan dilampirkan untuk rujukan Yang Berhormat.

Bersampingan dan selaras dengan GTP roadmap adalah beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) adalah mempertingkatkan penyediaan perkhidmatan secara setempat, memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi serta menggalakkan perkhidmatan atas talian, secara *online* oleh Kementerian dan agensi Kerajaan.

Melalui peningkatan penyediaan perkhidmatan setempat yang melibatkan pihak berkuasa tempatan, orang awam dapat menjalankan urusan dalam tempoh masa yang lebih singkat dan mudah tanpa perlu berurusan dengan pelbagai agensi di lokasi yang berbeza.

Selain dari usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan, sebagai pusat penggalakkan pelaburan asing ke Malaysia, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) juga telah membangunkan pusat khidmat setempat dengan pelbagai agensi yang terlibat dari segi perdagangan dan pelaburan.

Inisiatif seperti penyediaan perkhidmatan menggunakan khidmat pesanan ringkas seperti mySMS turut mempertingkatkan keberkesanan urusan orang awam dengan Kerajaan kerana hanya satu nombor sahaja iaitu 15888 diperlukan untuk menyemak perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan.

Begitu juga dengan inisiatif seperti myBayar yang turut diperkenalkan untuk mempelbagaikan saluran pembayaran yang boleh dilakukan oleh orang ramai melalui internet, kios dan *mobile payment*. Pengenalan inisiatif MyID juga bertujuan mempertingkatkan perkhidmatan awam di mana hanya satu nombor iaitu penggunaan nombor kad pengenalan digunakan sebagai nombor rujukan untuk memudahkan orang awam berurusan dengan Kerajaan.

Portal rasmi perkhidmatan awam iaitu www.malaysia.gov.my juga telah dibangunkan untuk memudahkan orang ramai mencapai maklumat, memuat turun borang-borang serta mendapatkan khidmat atas talian yang disediakan tanpa perlu orang awam hadir ke agensi yang berkaitan. Usaha-usaha yang dijalankan adalah berdasarkan kepada prinsip *delighting the customers* di mana sikap responsif dan kepentasan sentiasa diberikan keutamaan dalam pembuatan keputusan dan tindakan. Berdasarkan kepada prinsip ini, penyampaian perkhidmatan awam akan sentiasa ditingkatkan untuk memenuhi kehendak orang ramai dan gagasan 1 Malaysia yang telah diperkenalkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. PUAN FONG PO KUAN

(BATU GAJAH)

TARIKH

18.03.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan dengan terperinci maksud Sekolah Berprestasi Tinggi, perlaksanaan, pemantauan dan penilaiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah

Soalan No : 28

pengiktirafan yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang telah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dan mengekalkan kecemerlangan daripada pelbagai aspek sejak sekian lama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan SBT adalah melalui proses dua saringan. Saringan pertama adalah ranking yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Gred Purata Sekolah (GPS) dan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) oleh sekolah menggunakan instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Melalui saringan kedua, sekolah-sekolah yang mencapai skor komposit yang tinggi dan berada di bahagian atas ranking akan diverifikasi oleh KPM menggunakan SKPM dan juga dinilai menggunakan instrumen annex. SBT akan dipantau dari segi pengurusan berasaskan sekolah menggunakan instrumen yang disediakan oleh KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan berkaitan SBT akan dijawab secara terperinci oleh Y.B. Menteri Pelajaran dalam dewan yang mulia ini.

Rjm 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)
TARIKH	18.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah wang daripada pakej ransangan ekonomi serta rancangan Malaysia ke-9 dibelanjakan untuk sekolah-sekolah Cina, Tamil dan Agama sejak tahun 2008 sehingga 2009. Berikan pecahan mengikut jenis sekolah, negeri dan mengikut jenis perbelanjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak dua buah SJKC (sekolah kerajaan) baru telah dirancang dan dibina, dengan kos RM38.813 juta dan dijangka siap pada tahun 2010. Manakala untuk SJKT (sekolah kerajaan) pula, sebuah projek dengan kos RM14.45 juta telah dirancang dan dibina serta dijangka siap pada tahun 2010.

Bagi sekolah SJKC dan SJKT (bantuan kerajaan) pula, tiada projek baru yang

Soalan No : 29

dirancang dan dilaksanakan dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 1 masing-masing diluluskan sebanyak RM 50 juta meliputi pembinaan blok tambahan dan penyelenggaraan sekolah. Di bawah PRE 2, sebanyak RM50 juta bagi SJKT dan sebanyak RM95 juta diluluskan untuk SJKC.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga telah memberi peruntukan kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Sebanyak RM50 juta telah diluluskan di bawah PRE 1 bagi kerja-kerja penyelenggaraan. Manakala RM100 juta diluluskan di bawah PRE 2 bagi projek blok tambahan untuk 37 buah sekolah. Dalam RMK9 sebanyak RM733 ribu diluluskan untuk 11 buah sekolah SABK bagi peralatan dan penyelenggaraan.

Rjm 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH 18 MAC 2010

RUJUKAN 2362

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERIDALAM NEGERI menyatakan keadaan jenayah di negara iniamnya dan di Kuala

SOALAN NO: 31

Lumpur dan Petaling Jaya khasnya. Apakah dasar dan tindakannya terhadap implikasi kewujudan dwi sistem kepolisian, iaitu PDRM dan pengawal dan syarikat keselamatan swasta, kediaman berpagar dan kediaman yang mempunyai pengawal keselamatan serta bilangan pengawal, syarikat dan kediaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah keseluruhan kes jenayah bagi tempoh bulan Januari 2010 adalah sebanyak 16,116 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,365 kes atau bersamaan 14.67% dilaporkan bagi Kontinjen Kuala Lumpur dan 4,364 kes atau bersamaan 27.08% dilaporkan bagi Kontinjen Selangor.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan kewujudan dwi sistem kepolisan, PDRM memfokuskan kepada Polis Bantuan dan Sukarelawan Simpanan Polis yang terdiri daripada orang awam, pengawal keselamatan serta anggota RELA dan JPAM. Selain itu, pelantikan turut dibuat terhadap pengawal-pengawal dari agensi kawalan keselamatan terutama sekali kepada syarikat-syarikat swasta yang memohon untuk menubuhkan unit Polis Bantuan. Untuk rekod, jumlah agensi Polis Bantuan yang telah ditubuhkan setakat Januari 2010 adalah sebanyak 89 agensi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24 agensi

ditubuhkan di bawah Kontinjen Kuala Lumpur dan 17 agensi Polis Bantuan ditubuhkan di bawah Kontinjen Selangor.

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, hanya satu [1] syarikat kawalan keselamatan yang telah diberi kuasa Polis Bantuan iaitu IBEX Security Sdn. Bhd. yang beroperasi di Kompleks Kastam, Imigresen & Kuarantin, Johor Bahru, Johor. Jumlah perjawatan yang diluluskan ialah seramai 215 orang dengan 196 jawatan telah diisi.

Bagi program pencegahan jenayah, setakat tempoh sehingga 28 Februari 2010, seramai 3,381 orang dari kalangan ahli RELA dan JPAM telah dilantik sebagai sebagai Sukarelawan Simpanan Polis (RELA/JPAM) dan ditugaskan untuk menjalankan tugas rondaan cegah jenayah di kawasan-kawasan '*hot spot*'.

Manakala syarikat kawalan keselamatan swasta dan pengawal keselamatan di kawasan kediaman pula adalah di bawah tanggungjawab penuh Kementerian Dalam Negeri dari segi penubuhan dan pengawasan ke atas syarikat-syarikat tersebut. Kewujudan pengawal keselamatan di premis-premis kediaman secara tidak langsung mengurangkan risiko berlakunya kes jenayah di kawasan terbabit dan banyak membantu pihak polis dalam usaha pencegahan jenayah.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Pelantikan pegawai polis bantuan adalah dibuat di bawah Seksyen 47 Akta Polis, 1967.
2. Di bawah seksyen berkenaan, Ketua Polis Negara boleh melantik atau menaikkan pangkat mana-mana orang untuk berkhidmat dalam Polis Bantuan.
3. Polis Bantuan boleh menjalankan kuasa-kuasa seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 50 Akta Polis 1967 walau bagaimanapun terhad kepada kawasan pegawai tersebut ditugaskan.
4. Sukarelawan Simpanan Polis (PVR) adalah ditubuhkan di bawah Seksyen 34 Akta Polis 1967 yang mana terdiri daripada sebilangan pegawai kanan polis sukarelawan simpanan, pegawai rendah polis sukarelawan simpanan dan konstabel sukarelawan simpanan yang diizinkan oleh Yang Dipertuan agong dari semasa ke semasa.
5. Manakala penubuhan Akta Ejensi Persendirian 1971. Kementerian Dalam Negeri boleh mengenakan syarat-syarat tambahan kepada syarikat kawalan keselamatan persendirian.
5. Setakat ini, hanya satu[1] syarikat kawalan keselamatan yang telah diberi kuasa Polis Bantuan iaitu IBEX Security Sdn. Bhd. yang beroperasi di Kompleks Kastam, Imigresen & Kuarantin,

Johor Bahru, Johor. Tarikh kelulusan diberikan ialah pada 11 November 2008.

NO. AUP : %, I

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]

TARIKH 18 MAC 2010

RUJUKAN 2548

SOALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan tidak akan menghalang mana-mana perhimpunan aman jika perhimpunan aman itu diadakan di sekitar kawasan masjid serta di dalam lingkungan batas kawasan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, mana-mana perhimpunan di tempat awam boleh di adakan sekiranya mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa sekarang, asalkan ianya tidak menjelaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

Dalam hal ini, sekiranya sesuatu perhimpunan itu boleh menjelaskan keselamatan dan ketenteraman awam seperti saya nyatakan, maka tindakan boleh di ambil mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. Tuan Hj. Taib Azamudden bin Md. Taib
(Baling)**

TARIKH

18 Mac 2010

SOALAN:

Tuan Hj. Taib Azamudden bin Md. Taib (Baling) minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah usaha untuk mempatenkan pensijilan halal dilaksanakan supaya dikenali masyarakat Islam khususnya serta memudahkan pemantauan oleh pihak berkuasa sekaligus dapat mencegah dari diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam proses untuk mematenkan logo halal Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mendaftarkan logo halal Malaysia di bawah Akta Cap Dagangan 1976 di atas nama Kerajaan Malaysia melalui Ketua Pengarah JAKIM di mana tempoh sah pendaftaran ini bermula dari tahun 2004 sehingga 2011. Terdapat lima ciri utama pada logo halal Malaysia yang telah didaftarkan iaitu, pertama: bintang berbucu lapan di tengah-tengah bulatan. Kedua: perkataan halal Arab di dalam bintang. Ketiga: diikuti tulisan Rumi 'HALAL'. Keempat: bulatan logo tertulis perkataan 'MALAYSIA' dalam tulisan Rumi dan dalam perkataan Arab. Kelima: dua bintang kecil berbucu lima diletakkan bagi memisahkan tulisan rumi dan perkataan Arab tersebut. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 kepada mana-mana pihak yang menggunakan logo halal Malaysia bagi tujuan pemalsuan atau penyalahgunaan yang lain. Bagi proses pensijilan pula, proses penilaian dan pengesahan halal oleh JAKIM adalah tertakluk kepada ISO/IEC Guide 65 dan Standard Malaysia berkenaan makanan halal (MS1500:2009).

Dalam langkah untuk memperkasakan logo halal Malaysia di peringkat global, JAKIM telah memulakan inisiatif bagi mendaftarkan logo halal Malaysia di dalam 19 kelas pendaftaran di luar negara dan negara Indonesia dan China telah dipilih sebagai negara pertama bagi maksud ini. Bagi tujuan ini, SIRIM Berhad telah dilantik sebagai agen pengurus bagi tugas pendaftaran logo halal Malaysia di luar negara. Kerajaan percaya bahawa pengalaman SIRIM dalam menjalankan pengauditan produk di luar negara akan dapat dikongsi

bersama di samping kerjasama pembangunan standard dan piawaian halal yang lain.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

DARIPADA Y.B. TUAN LIANG TECK MENG

[SIMPANG RENGGAM]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 18 MAC 2010

SOALAN:

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kerajaan hanya memberi bantuan kewangan kepada ibu tunggal beragama Islam. Adakah Kementerian mempunyai program khas bagi ibu tunggal bukan Islam supaya mereka boleh mempelajari sesuatu untuk berdikari.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan RM15 juta diberikan berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh Jabatan

Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang telah menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) iaitu satu Bahagian yang baru dibawah JKSM yang berperanan untuk memastikan perintah-perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dipatuhi. Satu unit pengurusan dana diwujudkan dibawah BSK yang mana fungsinya ialah untuk memberikan pendahuluan nafkah kepada ibu-ibu tunggal dan anak-anak yang telah memperolehi perintah nafkah tetapi masih gagal dipatuhi oleh bapa/suami atas sebab-sebab tertentu seperti akaun kena tahan, muflis, sementara menunggu rayuan didengar dan sebagainya. Mengambil kira keperluan mereka dan tempoh penguatkuasaan perintah nafkah tersebut terhadap bapa/suami akan mengambil masa, maka Bahagian ini akan memberikan pendahuluan nafkah kepada ibu-ibu tunggal/anak bagi memenuhi keperluan sementara mereka. Pemberian yang diberikan adalah berbentuk pendahuluan kerana setelah perintah nafkah dikuatkuasakan dan dilaksanakan terhadap bapa/suami penghutang penghakiman tadi melalui berbagai cara pelaksanaan yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang seperti tahan harta Penghutang Penghakiman dan kemudian lelong dan sebagainya, hasil wang yang diperolehi dari proses penguatkuasaan ini akan dimasukkan semula ke dalam Tabung Amanah BSK mengikut jumlah pendahuluan yang telah diberikan kepada ibu-ibu tunggal tadi berdasarkan perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

Oleh kerana pendahuluan nafkah ini berkait rapat dengan perintah nafkah Mahkamah Syariah dan penguatkuasaan perintah dibuat di Mahkamah Syariah, maka sudah tentu peruntukan RM15 juta tadi hanya dapat diberikan kepada mereka yang beragama Islam sahaja.

Mengenai program khas bagi ibu tunggal bukan Islam, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menjalankan program-program kemahiran dan keusahawanan untuk ibu-ibu tunggal menerusi program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) bagi membantu ibu-ibu tunggal menjana pendapatan dan berdikari dari segi ekonomi.

Program I-KIT dijalankan di seluruh negara dan penyertaan program adalah terbuka kepada **ibu-ibu tunggal dari semua kaum dan agama** dengan keutamaan diberikan kepada ibu tunggal berpendapatan rendah. Program I-KIT bertujuan untuk membasmi kemiskinan di kalangan ibu tunggal menerusi penyediaan latihan kemahiran intensif selama tiga hingga enam bulan dan diikuti dengan bimbingan keusahawanan. Fasa pertama program ini telah mula dijalankan pada tahun 2008 melalui penyediaan latihan kemahiran dalam enam (6) bidang utama iaitu kraftangan, pemprosesan makanan, jahitan, kecantikan, penjagaan kanak-kanak pelancongan.

Selain itu, JPW juga menjalankan kerjasama dengan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk persatuan ibu tunggal bagi menjalankan program-program pembangunan kapasiti untuk ibu tunggal. Semua NGO tanpa mengira kaum dan agama boleh mengemukakan permohonan bagi mendapatkan peruntukan bagi menjalankan program untuk ahli mereka berdasarkan kepada garis panduan permohonan yang disediakan. Sepanjang tahun 2009, lima persatuan ibu tunggal telah menjalankan program berbentuk motivasi, kemahiran, keusahawanan

dan menjana pendapatan untuk ahli-ahli mereka. Sebanyak 20 program ibu tunggal telah diadakan dengan melibatkan penyertaan 1,153 orang ibu tunggal.

Kesimpulannya, penyediaan program-program pembangunan kapasiti dalam bidang kemahiran dan keusahawanan yang di laksanakan oleh **Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga** bermatlamat untuk membantu ibu-ibu tunggal meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup mereka. Oleh itu, Yang Berhormat disaran berhubung dengan kementerian tersebut.

Sekian, terima kasih.

◆

Soalan No : 34

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN TEO NIE
CHING (SERDANG)

TARIKH 18.03.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab penangguhan pembinaan 6 buah SJK(C) baru di Bukit Serdang, Sungai Long, Kajang, Rawang, Wangsa Maju dan Danga Baru yang telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran pada 30 Januari 2008 serta tarikh setiap sekolah tersebut dijangka siap dibina.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan 6 buah sekolah SJKC baru yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada 30 Januari 2008 tidak dapat dilaksanakan sehingga kini disebabkan masalah tapak. Urusan penyelesaian masalah tapak ini di bawah tanggungjawab pihak Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS).

Kementerian ingin menjelaskan untuk memastikan permohonan dapat diproses dengan lancar, pihak Lembaga Pengelola Sekolah-sekolah berkenaan hendaklah bekerjasama dengan KPM bagi memenuhi syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh kementerian berhubung dengan pembinaan sekolah baru tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TIN
 (KULAI)

TARIKH 18.03.2010

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa kenapa tiada SJKC atau SMJK dimasukkan dalam senarai 20 buah Sekolah Berprestasi Tinggi pada tahun ini. Apakah kriteria pemilihan dan penilaian. Nyatakan bagaimana Kementerian dapat memastikan penilaian "ranking" adil dan objektif terhadap semua jenis sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pemilihan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) tidak berdasarkan kepada lokasi, negeri atau jenis sekolah. Pengiktirafan SBT kepada sekolah adalah berdasarkan kepada kecemerlangan semata-mata.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan SBT adalah melalui proses dua saringan. Saringan pertama adalah ranking yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Gred Purata Sekolah (GPS) dan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) oleh sekolah menggunakan instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Melalui saringan kedua, sekolah-sekolah yang mencapai skor komposit yang tinggi dan berada di bahagian atas ranking akan diverifikasi oleh KPM menggunakan SKPM dan juga dinilai menggunakan instrumen annex.

Bagi memastikan penilaian yang adil, purata GPS untuk tiga tahun berturut-turut diambil kira. Sehubungan dengan itu, pemilihan SBT dibuat adalah secara telus berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan..

Rjm 21

NO. AUM : 72

NO. AUP : g b

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

DARIPADA

18 MAC 2010

TARIKH

2364

RUJUKAN

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menambahkan anggota penguatkuasaan dan memastikan anggota tersebut akan menjalankan tugas bagi Jabatan Imigresen di seluruh negeri Sarawak dalam masa terdekat ini; dan

- (b) berapakah jumlah sebenarnya anggota penguatkuasaan Jabatan Imigresen di seluruh negeri Sarawak dan adakah ianya mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Bintulu yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian berpandangan tiada keperluan mendesak dalam masa terdekat ini untuk menambah anggota penguatkuasaan bagi Jabatan Imigresen Negeri Sarawak. Ini kerana Jabatan berkenaan telah mendapat kelulusan tambahan perjawatan baru bagi tahun 2009 - 2010 sebanyak 520 perjawatan bagi Pegawai Imigresen (Skim KP). Tambahan perjawatan ini menjadikan keseluruhan perjawatan Imigresen di Negeri Sarawak berjumlah 1,097. Jumlah ini merangkumi 10% berbanding jumlah keseluruhan anggota Imigresen seluruh negara.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sejumlah 726 orang anggota yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan Jabatan Imigresen Negeri Sarawak. Jumlah ini merangkumi 66% jumlah keseluruhan pegawai Imigresen di Sarawak. Dengan demikian, kadar tersebut adalah memadai untuk menjalankan penguatkuasaan berkaitan dengan isu-isu yang berkaitan dengan Akta Imigresen 1959/63. Dalam isu penguatkuasaan ini pihak Jabatan Imigresen Malaysia juga mengadakan operasi secara bersepadu dengan agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN NO: 37

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

TARIKH 18 MAC 2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah rasional Kerajaan BN sengaja mengadakan program sambutan Hari Thaipusam dan Tahun Baru Cina pada hari dan waktu yang sama di Negeri Selangor. Kenapakan pihak penganjur BN enggan mengikut garis panduan penganjuran program dengan tidak memohon permit daripada Majlis Kerajaan Tempatan di Selangor.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bertanggungjawab melaksanakan Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) di peringkat Kebangsaan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada tahun 2001.

Penganjuran Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina pada 20 Februari 2010 di Pandamaran, Klang, Selangor telah dirancang

lebih awal dan dilaksanakan mengikut tarikh yang telah dijadualkan. Kementerian ini tidak terlibat dalam penganjuran sambutan Hari Thaipusam dan ia dianjurkan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan di kalangan pengikut Hindu.

Dalam penganjuran mana-mana Majlis Rumah Terbuka Malaysia, Kementerian ini sentiasa mendapat kerjasama Kerajaan Negeri dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan termasuklah memohon permit daripada Majlis Perbandaran Klang dan kebenaran pihak polis. Kedua-dua permit ini telah diluluskan sebelum majlis tersebut dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT PERTANYAAN: BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji
Salleh [Kalabakan]**

TARIKH : 18 Mac 2010 (Khamis)

SOALAN : 38

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah undang-undang melarang penggunaan cermin gelap masih berkuat kuasa. Jika masih berkuat kuasa:-

- (a) mengapakah di Sabah penggunaan cermin gelap pada kenderaan khususnya pada kenderaan mewah masih berleluasa seakan-akan undang- undang ini hanya untuk pemilik kereta tertentu sahaja; dan
- (b) mengapakah penjualan bahan penggelap ini dibenarkan untuk dijual di kedai-kedai aksesori kenderaan.

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Undang-undang berkaitan larangan cermin gelap ialah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991 dan ia masih berkuat kuasa. Di bawah Kaedah 5, ditetapkan bahawa kaca hadapan hendaklah mempunyai ketelusan cahaya 70%, manakala kaca sisi dan belakang 50%.

Seseorang yang gagal mematuhi peraturan ini, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM500 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi 2 minggu bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kali kedua dan berikutnya, boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi 1 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Pengangkutan Jalan bagi tahun 2007 sehingga tahun 2009, sebanyak 4,717 pemilik kenderaan telah dikenakan tindakan saman atas kesalahan memasang kaca gelap pada kenderaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 441 merupakan pemilik kenderaan di Sabah. Ini bermakna kenderaan-kenderaan yang gagal mematuhi peraturan ini di Sabah juga tidak terkecuali dari tindakan saman.

Berhubung dengan penjualan bahan-bahan penggelap di kedai-kedai aksesori, adalah dimaklumkan bahawa JPJ tidak mempunyai kuasa untuk memasuki premis bagi menyekat apa juar penjualan aksesori kenderaan. Di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 sedia ada, kuasa pegawai pengangkutan jalan hanya melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini atau kesalahan ke atas kenderaan. Bagi tujuan ini, Kementerian ini sedang meminda APJ 1987 bagi memberi kuasa kepada pegawai pengangkutan jalan memasuki premis bagi tujuan siasatan serta pendakwaan sahaja berkaitan dengan kes-kes kesalahan di bawah Akta ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]
TARIKH	18 Mac 2010 (Khamis)
SOALAN PERDANA	Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta
MENTERI menyatakan:	
(a)	langkah-langkah transformasi baru yang diambil oleh Kerajaan agar ianya berjaya dilaksanakan dalam persekitaran hari ini; dan
(b)	peranan dan fungsi MLRC (Jawatankuasa Pemandu Pembaharuan Undang- undang Negara) bagi meminda undang-undang negara yang telah lapuk dan tidak memberi manfaat kepada rakyat.

JAWAPAN: (YBTAN SRIDR.KOHTSUKOON)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai makluman Yang Berhormat, jawapan bahagian (a) soalan ini telah dijawap dalam Dewan untuk soalan lisan dari YB Bukit Bintang pada 17 Mac 2010 (Rabu) yang lalu. Di sini, saya sertakan jawapan tersebut untuk perhatian Yang Berhormat.

Untuk makluman, peranan dan fungsi MLRC adalah untuk mengkaji dan mencadangkan pembaharuan undang-undang lapuk di Malaysia bagi tujuan pembangunan undang-undang secara sistematik. Seperti yang sedia maklum, sistem perundangan Malaysia yang wujud pada hari ini banyak dipengaruhi oleh sistem perundangan *Common Law* sejak zaman penjajahan Kerajaan British. Sebilangan besar undang-undang ini dianggap lapuk dan tidak sesuai pada masa

1

4

sekarang. Sehubungan itu, menjadi hasrat YAB Perdana Menteri bagi memastikan sistem perundangan di Negara ini sentiasa relevan dengan perkembangan semasa, dapat meningkatkan daya saing Negara dan menepati kehendak rakyat.

Bagi merealisasikan perkara ini, JPUUM akan melakukan pembaharuan terhadap undang-undang lapuk melalui kaedah-kaedah berikut:

- a) mengkodifikasi undang-undang;
- b) memansuhkan anomali;
- c) memansuhkan undang-undang lapuk;
- d) mengurangkan undang-undang berasingan; dan
- e) pemudahan dan pemodenan undang-undang.

JPUUM akan mendapatkan maklum balas dari pelbagai pihak mengenai kesesuaian sesuatu undang-undang melalui rundingan awam dengan badan-badan yang berkepentingan seperti media, pakar undang-undang dan orang awam. Ini boleh dilakukan menerusi laman sesawang (*website*) dan *road show* bagi menganalisa kekuatan dan kelemahan terhadap sesuatu undang-undang yang hendak diperbaharui itu. Sebagai perbandingan, kajian dan rujukan terhadap sistem perundangan negara-negara lain juga akan dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)

NO. SOALAN: 41

TARIKH

18 MAC 2010

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada ataupun tidak konsep KPI yang digunakan oleh Jabatan Kehakiman telah pun membawa kepada kejayaan untuk mengatasi masalah kes-kes tertunggak secara adil dan apakah langkah-langkah lain yang dicadangkan untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, konsep KPI yang diamalkan oleh Badan Kehakiman telah dilaksanakan secara adil dan saksama. Konsep ini menekankan kepada prinsip bahawa semakin cepat sesbuah kes itu di dengar dan diselesaikan maka semakin adillah ia kepada pihak-pihak yang terlibat. Dengan konsep ini, ia telah memberikan kejayaan yang besar kepada Badan Kehakiman dalam melupuskan kes-kes tertunggak di seluruh Negara.

Ini boleh dilihat dengan jelas melalui kadar pelupusan yang tinggi di mahkamah-mahkamah di seluruh Negara. Sebagai contohnya jumlah kes yang tertunggak di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Bahagian Sivil pada Disember 2008 adalah sebanyak 8218 kes. Walau bagaimanapun Setelah perlaksanaan konsep KPI dan beberapa pendekatan lain, jumlah tersebut telah berjaya dikurangkan kepada sebanyak 2740 kes (tidak termasuk mahkamah keluarga) setakat Januari 2010. Manakala bagi Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Bahagian Dagang pula, jumlah kes tertunggak pada Disember 2008 adalah sebanyak 6490 kes. Setelah konsep ini diperkenalkan jumlah tersebut telah berjaya dikurangkan kepada sebanyak 3279 kes setakat Januari 2010.

Selain daripada itu, pembaharuan-pembaharuan lain yang dilaksanakan oleh Badan Kehakiman untuk melupuskan kes-kes tertunggak adalah dengan memperkenalkan Sistem Tracking. Sistem ini adalah satu sistem yang melibatkan pengurusan semula kes-kes di mahkamah dengan mewujudkan beberapa *track* dan satu unit yang dinamakan sebagai Unit Hakim Pengurus.

Objektif sistem ini adalah untuk memaksimumkan penggunaan masa mahkamah, menyelaraskan dan menyeragamkan pentadbiran pengurusan kes di mahkamah, meningkatkan jumlah pelupusan kes dan tahap kecekapan pihak pengurusan Hakim, Pendaftar dan Kakitangan mahkamah. Dibawah system ini, Hakim-Hakim juga tidak lagi dibebani oleh kerja-kerja pentadbiran mahkamah memandangkan satu unit khas iaitu Unit Pengurusan Hakim diwujudkan untuk mengambil alih tugas-tugas pentadbiran tersebut.

Sistem ini dapat mengurangkan kes yang tertunggak di mahkamah melalui beberapa pendekatan yang diperkenalkan dan dilaksanakan seperti berikut:

1) Pembahagian mahkamah mengikut *Track*

Di bawah sistem ini Hakim-Hakim dibahagikan mengikut track iaitu:

- a) Hakim A-track yang mendengar kes yang melibatkan keterangan melalui Affidavit;
- b) Hakim T-Track yang mendengar kes yang melibatkan keterangan lisan; dan
- c) Hakim M-Track yang mendengar kes-kes pelbagai.

Berbanding sebelum ini, kini Hakim- Hakim dapat memberi penumpuan yang lebih kepada kes yang dikendalikan memandangkan mereka hanya akan menggunakan masa sehari untuk mendengar kes mengikut jenis track yang ditetapkan.

2) Pengurusan kes

Di bawah sistem ini, kes-kes terlebih dahulu ditetapkan untuk pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar dan Pendaftar mahkamah untuk memastikan kes-kes yang akan didengar oleh para Hakim hanyalah kes yang sedia untuk dibicarakan. Dengan pendekatan di atas, kes -kes dapat diuruskan terlebih dahulu sebelum ditetapkan tarikh bicara bagi memastikan kes tersebut telah pun sedia dan juga bagi mengelakkan permohonan penangguhan pada hari bicara.

3) E-Kehakiman

Bagi membantu Sistem Tracking ini, E-Kehakiman juga turut diperkenalkan yang melibatkan bantuan teknologi maklumat untuk memudahkan lagi sistem pengurusan dan pendengaran kes di mahkamah seperti *E-Filing, Case Management System, Queue Management System dan Court Recording Transcription*.

4) Penambahan Hakim dan Mahkamah

Bagi membantu untuk melupuskan kes-kes tertunggak dalam konsep KPI yang telah ditetapkan, Badan Kehakiman juga telah menambah bilangan Hakim dan mewujudkan Mahkamah-mahkamah baru seperti Mahkamah "NCC" di Bahagian Dagang Kuala Lumpur dengan KPI untuk menyelesaikan kes-kes dalam tempoh 9 bulan dari tarikh pendaftaran.

Walau bagaimanapun, cadangan untuk menambah bilangan Mahkamah Tinggi Jenayah di Pulau Pinang telah dibantah dan tidak dipersetujui oleh Jawatankuasa Peguam Negeri kerana kekurangan peguam untuk mengendalikan kes di mahkamah baru tersebut.

**PEMBERITA
HUAN
PERTANYAA
N**

*m-y-
i*

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' NORAINI BINTI AHMAD (PARIT SULONG)

18.03.2010 (KHAMIS)

TARIKH NO 41

SOALAN

**DATO' NORAINI BINTI AHMAD (PARIT SULONG) minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

menyatakan:-

- (a) apakah perancangan Kementerian dalam memperkenalkan peraturan- peraturan bagi menangani isu para peniaga yang mengambil kesempatan dari pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang bakal diperkenalkan; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian dalam memastikan golongan berpendapatan rendah tidak menanggung beban dan kesusahan daripada pelaksanaan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Kementerian ini telah membuat pindaan pada Akta Kawalan Harga 1946 dengan memasukkan peruntukan pencatutan (pengambilan keuntungan secara berlebihan) hasil daripada pelaksanaan GST.

Rang Undang-Undang tersebut yang dikenali sebagai Rang Undang-Undang Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2010 dijadualkan untuk Bacaan Kali Pertama pada sesi Parlimen Mac 2010.

Sekiranya Rang Undang-Undang ini diluluskan oleh Parlimen nanti, Kementerian ini boleh mengambil tindakan ke atas para peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang sesuka hati dengan menggunakan GST sebagai alasan.

(b) Untuk makluman, terdapat beberapa jenis barang keperluan yang tidak dikenakan GST (*GST zero-rated*). Antara barangan tersebut adalah produk seperti padi dan sayur-sayuran serta makanan asas seperti beras, gula, tepung, minyak masak, ikan daging dan ayam. Pengecualian ini dibuat untuk memastikan ia tidak membebankan rakyat khususnya golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Soalan No : 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN ALEXANDER NANTALINGGI
(KAPIT)

TARIKH 18.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta Menteri Pelajaran menyatakan apa sebenarnya rasional, maksud dan matlamat Kementerian ini mewujudkan dasar baru yang akan membuat penilaian atau 'rating' terhadap semua sekolah berdasarkan ciri 'high performing school'.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Rasional pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi(SBT) ialah untuk mengangkat kualiti sekolah-sekolah terbaik, menghasilkan pelajar cemerlang dan menjadi penanda aras kepada sekolah-sekolah di dalam sistem.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan Sekolah Berprestasi Tinggi bukanlah berdasarkan kepada ranking sekolah semata-mata. Tujuan ranking ialah memaklumkan kepada sekolah kedudukannya dalam kalangan sekolah- sekolah di Malaysia. Maklumat ini boleh digunakan oleh sekolah sebagai perangsang untuk meningkatkan prestasi sekolah mereka. Di samping itu, ranking juga dapat mempertingkatkan akauntabiliti pengetua atau guru besar sekolah-sekolah berkenaan.

Rjm 15
PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN TAN TEE BENG (PKR)
(NIBONG TEBAL)

TARIKH 18 MAC 2010 (KHAMIS)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN

YB Tuan Tan Tee Beng (PKR) (Nibong Tebal) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah penderaan bayi dan kanak-kanak sehingga menyebabkan kematian seperti mana yang dipaparkan oleh pihak media cetak dan elektronik.

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu penderaan kanak-kanak dan menjadikan, dengan izin, ‘*Safe Childhood*’ sebagai tumpuan Kementerian pada tahun 2010. Inisiatif Kementerian ini memerlukan kerjasama bukan sahaja daripada pihak Polis DiRaja Malaysia dan Hospital tetapi yang sama pentingnya ialah komuniti setempat.

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Kanak-Kanak 2001 sememangnya memberi penekanan terhadap elemen menyelamat, melindungi dan memelihara kanak-kanak yang dianiaya dan didera. Sehubungan dengan itu, Majlis Penyelarasang bagi Perlindungan Kanak-Kanak telah ditubuhkan oleh JKM bagi mendidik masyarakat melalui pewujudan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak selaras dengan keperluan Sub Seksyen 7(1) Akta Kanak-Kanak 2001 yang menyatakan bahawa Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak hendaklah ditubuhkan di seluruh Malaysia.

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) yang telah diwujudkan bertujuan

menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Sehingga kini terdapat 131 buah Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak telah diwujudkan di seluruh Malaysia. Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak turut menyediakan perkhidmatan sokongan membantu keluarga dan kanak-kanak berisiko tinggi melalui 142 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak di seluruh negara dengan sejumlah 5,680 orang kanak-kanak yang mendapat perkhidmatan di pusat tersebut. Antara program ram-prog ram advokasi serta intervensi yang diadakan ialah seminar, bengkel, ceramah, kursus, motiviasi, bimbingan serta kaunseling.

KPWKM juga telah menggubal Dasar Perlindungan Kanak-Kanak dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 29 Julai 2009. Dasar ini bertujuan melindungi kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksloitasi. Dasar ini juga merupakan satu keperluan pada masa kini bagi memastikan setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat menyedari bahawa aspek melindungi kanak-kanak adalah merupakan tanggungjawab pelbagai pihak.

Langkah-langkah lain yang telah dan sedang diambil oleh KPWKM untuk menangani masalah penderaan bayi dan kanak-kanak sehingga menyebabkan kematian seperti berikut:

i) Mengadakan program-program kesedaran kepada ibubapa, kanak-kanak dan masyarakat mengenai tanggungjawab masing-masing untuk menentukan keselamatan kanak-kanak. Contohnya Kemahiran Keibubapaan yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ibubapa supaya mereka sentiasa bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesejahteraan anak masing-masing. Justeru, sebagai langkah proaktif, program meningkatkan kemahiran keibubapaan telah dijalankan oleh KPWKM seperti ‘SMARTSTART’ dan Modul Kasih. Program terkini ke arah meningkatkan kemahiran keibubapaan ialah ‘*Parenting@Work*’ iaitu bagi membantu ibu bapa mengimbangi tanggungjawab antara keluarga dan kerja. Program ini dijalankan di tempat kerja masing-masing bermula dengan pekerja di sektor awam pada tahun 2007 dan diperluaskan ke peringkat daerah, sektor swasta, komuniti dan lain-lain;

Menggalakkan penubuhan TASKA Komuniti sebagai program pencegahan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak. Taska Komuniti adalah salah satu usaha Kerajaan untuk membantu ibu bapa yang berpendapatan rendah mendapat jagaan yang selamat semasa ibu bapa keluar bekerja. Kanak-Kanak ini akan lebih selamat dan mendapat penjagaan yang berkualiti di Taska Komuniti. Sehingga kini terdapat 36 buah Taska Komuniti yang telah ditubuhkan oleh JKM dengan seramai 621 orang kanak-kanak mendapat

perkhidmatannya;

Perkhidmatan 24 jam sehari Talian Nur 15999 yang menyediakan kemudahan kepada masyarakat untuk membuat laporan kepada Kementerian pada bila-bila masa jika mendapati kanak-kanak dalam keadaan yang mencurigakan atau tidak berada dalam pengawasan ibu bapa atau penjaga; dan Memperkenalkan, dengan izin, ‘*childline*’ sebagai perkhidmatan telefon khas untuk menyalurkan sebarang pertanyaan, laporan dan aduan mengenai kanak-kanak. ‘*Childline*’ ini sedang giat dibangunkan oleh Kementerian untuk dilancarkan dalam masa yang terdekat ini.

M1:
SJ.B/(22)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2010

Ho • ^

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapa Kerajaan meluluskan 60 cabutan khas atau “*Special Draw*” untuk tahun 2010 dan sama ada ini merupakan salah satu strategi Kerajaan menambah hasil cukai negara. Sila nyatakan jumlah cukai dan duti yang dikutip oleh Kerajaan daripada setiap kali Cabutan Khas yang telah diadakan tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2010 Kerajaan telah bersetuju membenarkan enam (6) operator nombor ramalan yang dilesenkan oleh Kerajaan iaitu Sports Toto, Magnum Corporation, Pan Malaysian Pools (PMP), Sandakan Turf Club (STC), Diriwan Corporation dan Sarawak Turf and Equestrian Club (STEC) untuk mengadakan cabutan khas sebanyak dua puluh (20) hari cabutan khas secara serentak. Cabutan khas secara serentak bermaksud setiap hari cabutan khas yang telah ditentukan akan

melibatkan kesemua enam (6) operator yang dilesenkan oleh Kerajaan. Sehubungan dengan itu kenyataan Kerajaan meluluskan enam puluh (60) cabutan khas atau "*Special Drawf* untuk tahun 2010 adalah kurang tepat.

2. Hasil cukai yang dikutip oleh Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam memastikan semua program dan aktiviti pembangunan dan juga perbelanjaan mengurus negara dapat dilaksanakan seperti mana yang dirancang bagi memastikan objektif pertumbuhan ekonomi negara dapat dicapai. Sejajar dengan hasrat tersebut sebarang aktiviti/program yang dikawal oleh Kerajaan yang dapat meningkatkan hasil negara perlulah disokong.
3. Jumlah hasii yang dikutip oleh Kerajaan daripada dua (2) Cabutan Khas Tahun 2010 yang telah dilaksanakan sehingga 16 Februari 2010 adalah beijumtah RM21,152,243.89.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA SOALAN NO.: 45

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

[KUALA SELANGOR]

TARIKH : 18 MAC 2010

SOALAN :

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi program pemuliharaan habitat dan ekosistem sekaligus menangani masalah-masalah yang menjelaskan populasi kelip-kelip di Kuala Selangor.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan salah sebuah daripada dua belas negara di dunia yang dikenali sebagai pusat megadiversiti flora dan fauna (atau negara *mega-biodiversity*). Bagi memulihara dan memelihara kekayaan biodiversiti negara, Kerajaan telah meggubal perundangan, dasar dan program antaranya termasuk Akta Perhutanan Negara, Akta Perlindungan Hidupan Liar, Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan dan Pengurusan Hutan Berkekalan. Dasar dan program ini juga meliputi pemuliharaan habitat dan ekosistem yang menyokong populasi kelip-kelip di Kuala Selangor melibatkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Dalam hubungan ini, kajian-kajian yang telah dikendalikan oleh pihak FRIM menunjukkan kepentingan kawasan-kawasan tumbuhan asli sungai seperti berembang, nipah dan rumbia sebagai tempat pembiakan kelip-kelip. Selain itu, pihak FRIM dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga telah menjalankan pemantauan populasi kelip-kelip di Sungai Selangor sejak tahun 2006. Berdasarkan kepada pemantauan ini, kemusnahan habitat kelip-kelip telah dikesan

dan perkara ini telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, habitat kelip-kelip di Kuala Selangor terletak di dalam kawasan tanah milik penduduk tempatan. Buat masa ini, difahamkan bahawa sebahagian Sungai Selangor dan tebingan sungainya di dalam Daerah Kuala Selangor telah diwartakan sebagai kawasan zon perlindungan di bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999. Sebahagian habitat kelip-kelip di Kuala Selangor terletak di dalam kawasan zon perlindungan berkaitan. Di bawah enakmen ini, pemilik-pemilik tanah di kawasan zon perlindungan ini tidak dibenarkan untuk membersihkan tumbuhan-tumbuhan asli (natural vegetation). Namun, pembersihan kawasan tanah untuk tujuan pembangunan, pertanian dan sebagainya telah memusnahkan sebahagian besar habitat kelip-kelip sebelum langkah-langkah perlindungan tersebut telah diambil. Pihak Kementerian juga telah difahamkan bahawa aktiviti pembersihan kawasan tanah untuk tujuan pertanian dan sebagainya sememangnya masih berlaku. Dalam konteks ini, adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan pemantauan dan penguatkuasaan perlindungan kawasan tanah di tebing sungai dan di sekitarnya supaya habitat kelip-kelip yang masih kekal tidak turut dimusnahkan.

Pihak Kementerian juga difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam proses mengalih status tanah milik tersebut secara berfasa. Pihak Kementerian yakin tindakan ini akan membantu menjamin pengurusan dan pengekalan habitat kelip-kelip secara berkekalan serta pengawalannya secara berkesan. Langkah-langkah susulan yang perlu diambil termasuk pelaksanaan program-program penanaman semula pokok-pokok yang biasanya bertumbuh secara semulajadi di kawasan sungai (misalnya, rumbia dan berembang), dan kawalan ke atas pembangunan untuk mengelakkan penebangan pokok-pokok ini.

Dalam hal ini, pihak Kementerian memang mempunyai kepakaran di jabatan-jabatannya dan bersedia membantu dalam usaha-usaha memulih dan melindungi habitat kelip-kelip supaya Sungai Selangor dan Kuala Selangor kekal menjadi kawasan tarikan eko-pelancongan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No.: 46

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO (HULU RAJANG)

18.03.10

TARIKH

46

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menentukan kawasan pedalaman (hulu Sungai) di Sarawak tidak akan tertinggal dari segi kemajuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan penduduk yang berada di kawasan pedalaman (termasuk di kawasan Hulu Sungai) negeri Sarawak menerima arus kemajuan, Kementerian ini telah pun memohon wakil-wakil rakyat dan juga Kerajaan-kerajaan negeri untuk mengemukakan senarai projek di kawasan masing-masing untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10. Senarai tersebut telah pun diterima dan sedang diperakukan untuk dilaksanakan dalam tempoh 2011-2015.

Kementerian ini juga telah mengadakan siri lawatan YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bersama penduduk-penduduk tempatan di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak. Dalam majlis tersebut, penerangan tentang usaha Kerajaan melaksanakan program-program pembangunan luar bandar telah diberikan. Dialog antara YB Menteri dengan penduduk juga telah diadakan untuk memberi peluang kepada mereka

menyuarkan permintaan secara ters kepada pihak Kementerian. Beberapa siri lawatan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

SIRI PERTAMA

30.1.2010

Lawatan ke Rumah Panjang Nunong, Limbang, Sarawak (Hulu Sungai).

1.2.2010

Lawatan ke Kampung Bungan Kecil dan Kampung Bungan Besar, Matu, Mukah, Sarawak (Pedalaman Sarawak).

SIRI KEDUA

22.02.2010

- Lawatan ke rumah Juliana Bedus, Kamidan Jaya, Seratok, Sarawak;
- Lawatan ke Rumah Panjang Radin,Lachau Ulu, Sri Aman, Sarawak; dan
- Lawatan ke Pekan Simunjan, Simunjan, Sarawak.

23.02.2010

Lawatan ke kawasan Skim Penempatan Semula Nanga Tada, Sungai Kabah, Kanowit, Sarawak (Hulu Sungai).

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar, Kementerian ini telah turun padang bagi memantau pelaksanaan projek-projek terutama di kawasan pedalaman. Dalam pada masa yang sama, Pejabat Cawangan KKLW telah pun ditubuhkan bermula tahun 2010 di negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan pelaksanaan program-program pembangunan khususnya di kawasan-kawasan pedalaman.

Tuan Yang di Pertua,

Pada masa kini, Kerajaan sedang berusaha mempercepatkan penyediaan kemudahan asas di luar bandar terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dengan melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Infrastruktur Asas Luar Bandar. Melalui pendekatan ini, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan meningkatkan liputan prasarana asas dengan melaksanakan 4

program utama iaitu Jalan Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar dan Program Bantuan Rumah. Dijangkakan pelaksanaan NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar ini akan dapat meningkatkan liputan prasarana asas hampir 100% menjelang 2013. Bagi negeri Sarawak, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM5.68 billion bagi pelaksanaan program prasarana asas. Ini membuktikan komitmen dan kesungguhan Kerajaan untuk memastikan rakyat khususnya penduduk di luar bandar termasuk yang tinggal jauh di pedalaman tidak ketinggalan dan akan dapat menikmati kemudahan yang sewajarnya.

SIRILAWATAN MENTERI SIRI

PERTAMA

30.1.2010

Rumah Panjang Nunong, Limbang, Sarawak (Hulu Sungai).YB Menteri bermalam di rumah ini dan turut dihadiri oleh penduduk-penduduk dari 15 buah rumah panjang yang berdekatan.

1.2.2010

Kampung Bungan Kecil dan Kampung Bungan Besar, Matu, Mukah, Sarawak (Pedalaman Sarawak).

SIRI KEDUA

22.02.2010

Lawatan ke rumah Juliana Bedus, Kamidan Jaya, Seratok, Sarawak. Rumah ini dulu berada di kawasan pedalaman. Disebabkan kemudahan infra dan berdekatan dengan Bandar Seratok, Rumah ini telah bertaraf moden dan telah menikmati kemudahan asas seperti BALB, BELB dan Jalan.

Lawatan ke Rumah Panjang Radin,Lachau Ulu, Sri Aman, Sarawak. Rumah ini dulu berada di kawasan pedalaman dan hulu sungai. Disebabkan berdekatan dengan Pekan Lachau, Rumah Panjang ini telah menikmati kemudahan asas seperti BALB, BELB dan Jalan.

Lawatan ke Pekan Simunjan, Simunjan, Sarawak. Pekan ini telah dihubungi dengan jalanraya yang dulunya merupakan kawasan terpencil dan hanya dapat dihubungi melalui sungai.

23.02.2010

Lawatan ke kawasan Skim Penempatan Semula Nanga Tada, Sungai Kabah, Kanowit, Sarawak (Hulu Sungai). Kawasan Skim Penempatan semula ini meliputi 16 buah rumah panjang di kawasan penempatan RASCOM. Semasa siri lawatan YB Menteri bersama YAB Perdana Menteri, beberapa projek telah disalurkan kepada penduduk- penduduk di kawasan Skim Penempatan Semula Nanga Jagau dan Nanga Ngungun, Kanowit, Sarawak dan Nanga Sekuau, Selangau, Sarawak.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 18 MAC 2010 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 47

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

- (a) polisi bagi pembinaan talian penghantaran bervoltan tinggi di kawasan yang padat dengan penduduk; dan
- (b) mengapa pendekatan analisa kos-faedah digunakan di mana ia mendedahkan penduduk-penduduk kepada kanser dan risiko radiasi/ sinaran dan bukan pendekatan pengelakan berhemat.

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi melaksanakan tanggungjawab untuk membekalkan perkhidmatan elektrik, seperti mana yang diperuntukkan dalam Seksyen 24(1), Akta Bekalan Elektrik 1990, secara amnya pihak TNB dibolehkan untuk mengguna, merentangi atau melewati mana-mana tanah, selain daripada tanah negeri, bagi menempatkan kemudahan infrastruktur bekalan elektriknya.

Walau bagaimanapun, sekiranya pembinaan talian penghantaran bervoltan tinggi melibatkan kawasan yang padat dengan penduduk, pihak TNB perlu memastikan keselamatan penduduk-penduduk dengan mengambil semua langkah keselamatan yang perlu, antaranya dengan menggunakan menara jenis *monopole* yang hanya memerlukan keluasan tapak yang minima serta mempunyai ciri-ciri estetika. Sekiranya terdapat laluan rentis sedia ada, TNB akan menggunakan laluan rentis tersebut terlebih dahulu.

Di samping itu juga, jarak bagi *safe working clearance*, (dengan izin) yang ditetapkan di bawah Peraturan 43(i) Peraturan-peraturan Elektrik 1994, menetapkan agar kelegaan minimum mana-mana bangunan atau struktur-struktur dari talian pembekalan voltan tinggi, selain dari pencawang elektrik hendaklah tidak kurang dari 4.57 meter. Ini bermakna apa-apa aktiviti yang dijalankan atau apa-apa objek yang dikendalikan berhampiran talian

penghantaran hendaklah pada jarak tidak kurang dari 4.57 meter dari talian tersebut.

Talian penghantaran utiliti milik TNB juga perlu mengekalkan kelebaran tanah bagi talian penghantaran atau juga dikenali sebagai koridor penghantaran pada jarak 20 meter dari garisan tengah talian. Amalan ini digima pakai bagi laluan talian penghantaran bagi memastikan keselamatan penduduk sekitar.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menentukan laluan rentis dalam pembinaan talian penghantaran bervoltan tinggi, kedua-dua pendekatan analisa kos-faedah dan pengelakan berhemat telah diambilkira. TNB juga sedaya - upaya berusaha untuk membina talian penghantaran jauh daripada kawasan yang padat dengan penduduk.

Saya juga ingin jelaskan di sini bahawa pengaliran arus elektrik daripada sebarang kabel elektrik TNB yang menghasilkan Medan Elektromagnetik (EMF), hanyalah pada sekitar 13milliGauss sahaja, di mana ianya jauh lebih rendah dari had pendedahan kepada orang awam yang dicadangkan oleh *International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection* (ICNIRP). Dalam hal ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization* - WHO) telah merumuskan bahawa berdasarkan cadangan daripada ICNIRP, had dedahan EMF yang boleh menjaskan kesihatan manusia adalah pada kadar 1000milliGauss. Medan yang terhasil oleh operasi talian penghantaran bervoltan tinggi tidak termasuk dalam kategori radiasi sepertimana yang selalu dianggap oleh orang awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH 18 MAC 2010

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA

MENTERI menyatakan :-

(a) apakah Kerajaan sedar bahawa sejumlah besar kakitangan beruniform secara langsung tergolong dibawah paras kemiskinan apabila pencen; dan

(b) langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN: YB DATO* SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

NO. SOALAN:48

- a) Kerajaan berpendapat bahawa pakej faedah persaraan bagi anggota sektor awam adalah antara yang terbaik. Perlu ditekankan bahawa skim pencen dalam sektor awam ialah suatu skim pencen berasaskan pekerjaan (*an occupational pension scheme*) bukannya kebijakan (*welfare pension scheme*). Bagi skim pencen berasaskan pekerjaan, **nilai pencen bulanan** yang diberikan mestilah bergantung kepada **gaji terakhir pesara** sebelum bersara dan **tempoh perkhidmatannya**.

Seseorang pesara akan menerima pencen bulanan, ganjaran, sekaligus wang tunai sebagai Gantian Cuti Rehat(GCR) dan kemudahan rawatan perubatan percuma seumur hidup bagi pesara dan isteri atau suaminya (serta anak dibawah umur 18 tahun yang belum berkahwin). Selain daripada itu, pencen bulanan akan diselaraskan setiap kali pegawai yang masih berkhidmat memperolehi penyelarasaran gaji.

NO. SOALAN:48

b) Kerajaan juga telah menggubal beberapa dasar baru berkenaan faedah persaraan. Pertama, Kerajaan telah bersetuju untuk menghitung pencen mengikut formula berasaskan tempoh perkhidmatan sehingga maksimum 30 tahun bagi semua pesara dan penerima pencen berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009. Dasar baru ini juga meliputi semua persaraan dan kematian dalam perkhidmatan sebelum tarikh kuat kuasa. Dasar baru ini membolehkan pesara dan penerima pencen menerima sehingga semaksimum 60% daripada gaji akhir.

Kedua, Kerajaan bersetuju memansuhkan susutan kadar pencen terbitan kepada 70% daripada pencen asal selepas 12 14 tahun dari tarikh persaraan atau kematian dalam perkhidmatan gemulah anggota berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009.

Ketiga, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan amaun pencen terendah kepada RM 720 sebulan mulai 1 Januari 2009 bagi pesara yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun.

Keempat, Kerajaan juga telah bersetuju untuk memansuhkan syarat

SOALAN NO : 49

pemastautinan yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008 yang lalu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB. Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah (Subang)

TARIKH 18 Mac 2010

SOALAN

Y.B. Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah (Subang) meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah Akta-akta yang dimuatnaik dan terkandung di dalam laman web Parlimen hanya sampai sehingga tahun 1999 sahaja.

JAWAPAN **YB DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-pertua,

Parlimen Malaysia memang menyedari akan masalah ini dan tindakan mengatasinya telah pun dilakukan. Untuk makluman Yang Berhormat, pautan (link) kepada Laman Web Jabatan Peguam Negara yang mengandungi maklumat dan data lengkap mengenai Senarai Akta-Akta telah pun diwujudkan di laman web parlimen.

SOALAN NO : 50

Sekian. Terimakasih.

NO.AUP : 5"0

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN

[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH 18 MAC 2010

RUJUKAN 2361

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) kenapakah Pegawai Khas Perdana Menteri, Datuk Nasir Safar hanya diarahkan meletakkan jawatan atas ucapannya yang menghina kaum Cina dan India dalam program rasmi Kerajaan kempen 1 Malaysia di Melaka; dan

(b) apakah hasil siasatan dan tindakan yang akan diambil terhadap beliau.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan. Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Bukit Gantang bertarikh 23 Mac 2010, Yang Berhormat dari Padang Serai bertarikh 23 Mac 2010, Yang Berhormat dari Kota Melaka bertarikh 29 Mac 2010, Yang Berhormat dari Jelutong bertarikh 30 Mac 2010, Yang Berhormat dari Taiping bertarikh 31 Mac 2010 dan Yang Berhormat dari Batu Kawan bertarikh 5 April 2010 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), Datuk Nasir Safar sendiri telah meletakkan jawatan dengan rela hati kerana menyedari tindakan beliau telah menimbulkan kemarahan rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b), pihak polis telahpun selesai menjalankan siasatan ke atas kes ini dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya Melaka untuk tindakan selanjutnya.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Berikut daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh bekas pembantu YAB Perdana Menteri, Datuk Nasir Safar semasa menyampaikan ucapan di Seminar Rapat 1 Malaysia di MITC Melaka pada 2.2.2010 sebanyak (57) laporan polis telah diterima di seluruh negara. Satu kertas siasatan telah dibuka di Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah dibawah **Sek. 4 (1)(b) Akta Hasutan**.
2. Dalam menjalankan siasatan kes ini pihak polis telah merakam percakapan sebanyak (50) orang saksi untuk memberi keterangan dalam melengkapkan siasatan kes ini. Kertas Siasatan telah pun disiapkan dan kini telah dimajukan ke pejabat YA Timbalan Pendakwaraya Melaka untuk nasihat dan keputusan. Setakat ini belum ada keputusan lagi dibuat.
3. Ucapan yang disampaikan oleh Datuk Nasir Safar dibuat secara lisan tanpa menggunakan *power point* atau teks ucapan yang khusus. Secara keseluruhannya teks ucapan tersebut menyeru orang ramai supaya bersatu padu mengembeling tenaga menyahut hasrat kerajaan didalam mencapai seruan kerajaan dalam membentuk gagasan 1 Malaysia.
4. Di dalam seminar Rapat 1 Malaysia anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Melaka, Datuk Nasir Safar menjadi penceramah pertama dalam seminar tersebut dengan ceramah yang bertajuk Gagasan Satu Malaysia.
5. Kata-kata beliau semasa di dalam seminar tersebut adalah bersifat peribadi dan tidak ada kena mengena dengan hala tuju serta objektif pelaksanaan Gagasan 1 Malaysia yang mendukung usaha-usaha

Soalan No : 51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di negara ini dan berteraskan kepada prinsip ‘Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan’.

* ♦

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. DR. CHEROSLI BIN CHE MAT**
 (HULU LANGAT)

TARIKH **18.03.2010**

SOALAN:

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) kejayaan Sekolah Rancangan Khas (Sekolah Kawalan) yang menempatkan pelajar terbaik UPSR dan PMR di peringkat Daerah dengan saiz kelas yang kecil; dan
- (b) apakah langkah yang diambil di peringkat Sekolah Menengah Biasa bagi mengatasi bilangan pelajar yang padat melebihi 50 orang setiap kelas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Sekolah Rancangan Khas adalah sebuah program khas yang diwujudkan untuk menampung murid cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) atau Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Sehingga Januari 2010, terdapat 424 sekolah harian yang menawarkan program ini dengan jumlah murid seramai 99,664 orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, calon UPSR cemerlang contohnya yang mendapat 5A akan mengekalkan kecemerlangan di peringkat PMR - 8A (*straight A's*). Murid-murid yang mengikuti program Kelas Rancangan Khas (KRK) juga menunjukkan pencapaian yang cemerlang. Sebagai contohnya, pencapaian murid KRK yang mendapat 5A hingga 9A dalam PMR tahun 2009 sebanyak 72.95%.
- (b) Antara langkah-langkah yang diambil di peringkat Sekolah Menengah Biasa

Soalan No : 51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

bagi mengatasi bilangan pelajar yang padat melebihi 50 orang setiap kelas ialah:

- i. KPM melalui Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) akan mengehadkan jumlah kemasukan pelajar ke sesebuah sekolah dan menempatkan murid. ke sekolah-sekolah yang berhampiran bagi tujuan menyeimbangkan enrolment sesebuah sekolah.
- ii. Menambah bilangan bilik darjah serta pembinaan sekolah-sekolah baru di kawasan-kawasan perumahan baru jika mempunyai peruntukan.

No. SOALAN: 52

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **YB DR MUJAHID BIN HAJI YUSOF
RAWA (PARIT BUNTAR)**

TARIKH **18 MAC 2010**

SOALAN **YB Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah GTP atau Pelan Transformasi Kerajaan melibatkan juga program kebebasan media bagi orang awam untuk mendapat akses yang lebih bebas dan berkecuali.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

Bertujuan untuk mentransformasikan keupayaan Malaysia, inisiatif Program Transformasi Kerajaan (PTK) atau Government Transformation Program (GTP) merupakan satu pendekatan untuk mengukur kecekapan dan keberkesanan Kerajaan dan perkhidmatan awam dalam semua sektor masyarakat dan juga sebagai landasan untuk meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan.

Kerajaan menyedari kepentingan kebebasan media bagi orang awam untuk mendapat akses yang lebih bebas dan telus. Oleh itu, "Hari Terbuka GTP" telah diadakan di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu di mana rakyat jelata dan media telah dijemput untuk meneliti maklumat dalam GTP, menyertai perbincangan dan memberi maklum balas secara terbuka mengenai pelan-pelan penyampaian (delivery plans) bagi semua bidang keberhasilan utama negara atau NKRA (*National Key Results Areas*). Di samping itu, GTP telah disebarluaskan melalui buku, cakera padat (CD) dan laman web internet transformasi.

Pendekatan yang terbuka dan telus dalam GTP mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap kebebasan media dan hak untuk mengetahui (the right to know) oleh rakyat jelata.

W: ^3

KK/BP(1 -10)294/6-73 SJ.B (23)

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
NEGARA, MALAYSIA

DARIPADA : DR. MOHD. HATTA BIN MD. RAML1
(KUALA KRAI)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH : 18.03.2010 ^, 5

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menangguhkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sehingga Kerajaan berjaya menghapuskan ketirisan dalam perbelanjaan awam negara dan setelah Malaysia mencapai kedudukan sebagai negara berpendapatan tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan belum lagi menetapkan tarikh sebenarnya untuk melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan dengan itu isu untuk menangguh GST tidak berbangkit. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan hanya membentangkan Rang Undang-Undang GST untuk bacaan kali pertama dan tarikh bacaan kali kedua dan ketiga belum ditetapkan

lagi. Pada masa sekarang Kerajaan sedang dalam proses untuk memberi penerangan kepada rakyat mengenai pelaksanaan GST.

Berhubung dengan isu ketirisan di dalam perbelanjaan negara, Kerajaan sememangnya memandang serius akan perkara ini dan beberapa langkah tertentu telah dan akan diambil bagi menangani perkara tersebut

NO. SOALAN :

JMPEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN AMRAN BIN AB GHANI

[TANAH MERAH]

TARIKH

18 MAC 2010

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan benarkah APCO Worldwide yang diupah oleh Perdana Menteri untuk melancarkan Gagasan 1 Malaysia juga menawarkan perkhidmatan mereka kepada Nigeria, Sania Abacha

dan Presiden Seumur Hidup Kazakhstan, Nursultan Abishuly Nazarbayev.
JAWAPAN : (DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)
Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak ada melantik syarikat perhubungan tempatan dan luar negara untuk mempromosikan Gagasan 1 Malaysia secara khusus. Syarikat APCO *Worldwide Sdn Bhd* dilantik kerajaan untuk melaksanakan perkhidmatan berkaitan komunikasi secara menyeluruh. Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi kapasiti kerajaan dalam bidang komunikasi agar pendekatan dan amalan kita adalah sama dengan amalan terbaik dunia. Selain Malaysia, APCO *Worldwide* juga menyediakan perkhidmatan komunikasi kepada negara-negara lain. Perkhidmatan komunikasi yang disediakan oleh APCO kepada negara- negara lain adalah urusan dalam syarikat tersebut.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
[SEPANG - BN]**

TARIKH : 18 MAC 2010

SOALAN NO. 55

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan masalah sosial di kalangan belia semakin serius. Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian untuk menjalankan program dan aktiviti yang memberi manfaat dan berkesan untuk belia.

TAWAPAN:

Bagi tahun 2010, Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM152.12 juta untuk menjalankan program dan aktiviti yang diharap dapat memberi manfaat dan berkesan untuk pembangunan belia negara. Selain daripada program-program pembangunan belia berbentuk kepimpinan dan kesukarelaan, Kementerian turut menganjurkan program-program yang meliputi aktiviti sukan, rekreatif, permotoran dan kecergasan.

NO. SOALAN : 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]

TARIKH 18 MAC 2010

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyekat migrasi besar-besaran penduduk luar bandar ke bandar sehingga menyebabkan kita terpaksa bergantung kepada tenaga pekerja asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu penggunaan tenaga kerja asing adalah isu yang lebih kompleks dan ianya bukan disebabkan oleh migrasi penduduk luar bandar ke bandar. Pihak Kerajaan sebenarnya tidak pernah ada sebarang langkah untuk menyekat migrasi penduduk luar bandar ke bandar kerana migrasi tersebut di negara ini merupakan satu strategi penting untuk mempercepatkan peningkatan taraf hidup dan pendapatan penduduk luar

bandar sejak tahun 1970an lagi khususnya melalui peluang-peluang pendapatan yang lebih lumayan dan kemudahan yang disediakan di bandar-bandar.

Pada tahun 1970, hanya 29% penduduk tinggal di bandar, sekarang ini sudah meningkat kepada 64%. Manakala di kalangan Bumiputera pula pada tahun 1970 hanya 15% yang tinggal di bandar dan pada masa ini telah meningkat kepada 53%. Oleh itu, bagi kes di Malaysia, penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar adalah satu fenomena yang kita galakkan dan membawa kejayaan kerana bandar-bandar kita dirancang dengan teratur hingga mampu menyerap secara berkesan penghijrah daripada luar bandar.

FEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. TUAN FONG KUILUN

KAWASAN

BUKIT BINTANG

TARIKH
NO. SOALAN

18.3.2010 (Khamis)

Y.B. TUAN FONG KUI LUN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN ⁵⁷ INDUSTRI menyatakan senarai pencapaian pelaburan korporat-korporat Malaysia di berbagai negara sepanjang 2 tahun lalu hingga sekarang dan perbandingannva dengan Pelaburan Terus Asing (FDI) di negara kita serta langkah-langkah yang diambil untuk membawa Malaysia keluar dari pergantungan pada FDI.

Tawapan:

Tuan Yang diPertua,

Pencapaian pelaburan korporat Malaysia di luar negara berdasarkan kepada imbalan pembavaran negara (BOP) yang dikeluarkan oleh Tabatan Statistik Malaysia selaku pengumpul data rasmi BOP pada tahun 2007 adalah sebanyak RM38.2 bilion. Ini merupakan pelaburan langsung dan tidak termasuk pelaburan portfolio. Jumlah tersebut telah meningkat kepada RM50.2 bilion pada tahun 2008. Namun yang demikian, bagi tempoh Tanuari hingga September 2009, jumlah pelaburan Malaysia di luar negara telah menurun kepada RM21.8 bilion. Pelaburan langsung Malaysia ini ke luar negara memberi faedah kepada negara dalam bentuk dividen dan "repatriation of profits", dengan izin.

Pelaburan langsung Malaysia ke luar negara melibatkan sektor perlombongan dan galian, intermediasi kewangan, perkhidmatan dan pertanian. Negara utama tumpuan pelaburan langsung Malaysia ke luar negara adalah British Virgin Island, Singapura, Thailand, Australia, Indonesia dan China.

Svarikat-svarikat Malaysia terus melabur ke luar negara dengan objektif untuk memperolehi atau membina ienama svarikat, mendapatkan akses pasaran, teknologi dan sumber asli serta mengukuhkan rantaian nilai. Ini juga selaras dengan salah satu teras di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang menggalakkan pelaburan seberang sempadan.

Tuan Yang diPertua,

Sebagai perbandingan, pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan menurut statistik yang dikeluarkan oleh MIPA bagi tahun 2007 adalah sebanyak RM33.4 bilion dan telah meningkat kepada RM46.1 bilion pada tahun 2008. Ekoran krisis ekonomi global yang melanda dunia, kelulusan FDI yang dicatatkan oleh MIDA adalah RM22.1 bilion pada tahun 2009.

Tuan Yang diPertua,

Kerajaan sentiasa prihatin akan susana pelaburan global. Selaras dengan ini, Kerajaan telah mengambil pendekatan bagi memantapkan 1 agi strategi untuk meningkatkan pelaburan domestik (DI) di Malaysia.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- penubuhan satu Pasukan Petugas di MITI pada tahun 2009 bertujuan untuk menggubal dan melaksanakan strategi baru bagi meningkatkan penyertaan para peniaga tempatan di dalam aktiviti ekonomi negara;
- mengadakan perjumpaan yang lebih kerap dengan syarikat-syarikat tempatan yang disasarkan (*targeted companies*) serta syarikat-syarikat yang berpotensi.

Satu mesyuarat telah diadakan pada bulan Disember 2009 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan pelabur tempatan dan mesyuarat susulan akan diadakan dari masa ke semasa;

- menjalankan aktiviti "turun padang" di mana YB Menteri MITI sendiri melawat syarikat-syarikat yang telah membuat pelaburan di Malaysia bagi menggalakkan pelaburan tambahan dibuat di Malaysia;
- Menyediakan pelbagai insentif untuk syarikat kecil dan sederhana bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan tempatan. Melalui pengumuman Bajet 2010, Kerajaan telah meluluskan bantuan kewangan sebanyak RM350 iuta bagi menggalakkan pertumbuhan SME yang sekaligus akan menggalakkan pelaburan tempatan di Malaysia;
- memastikan ketelusan dasar-dasar Kerajaan, peraturan dan prosedur pentadbiran yang berhubung kait dengan keputusan membuat pelaburan; dan
- memastikan sistem penyampaian yang efisyen termasuk kualiti perkhidmatan yang ditawarkan yang bersifat memudahcara dan pantas.

Dengan usaha-usaha ini, Kerajaan menjangka akan dapat mencapai sasaran nisbah pelaburan domestik berbanding FDI sebanyak 60:40 seperti yang ditetapkan di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM (BAYAN
BARU)**PERTANYAAN
TARIKH

LISAN

18.03.2010

Ho :

Dato¹ Zahrain Mohamed Hashim (Bayan Baru) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan penjelasan dan huraian tentang semua geran persekutuan kepada Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2009. Sila berikan juga maklumat lengkap bagaimana geran-geran tersebut telah digunakan serta jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang telah menerimanya.

JAWAPAN:**Tuan Yang df-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian geran tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2009 berjumlah sebanyak RM133.16 juta. Agihan adalah seperti berikut:-

- i) Pemberian Mengikut Kiraan Kepala (*Capitation Grant*) sebanyak RM23.15 juta;

- ii) Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri sebanyak RM51.34 juta;
- iii) Pemberian Pertambahan Hasil sebanyak RM13.60 juta;
- iv) Pemberian Senarai Bersama sebanyak RM12.77 juta;
- v) Pemberian Bayaran Perkhidmatan Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Pelaksanaan Projek Persekutuan sebanyak RM8.84 juta;
- vi) Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup sebanyak RM8.67 juta;
- vii) Pemberian Geran Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebanyak RM10 juta, iaitu masing-masing sebanyak RM5 juta kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Prai; dan
- viii) Bantuan Bayaran Bil Elektrik Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat PBT sebanyak RM4.79 juta, iaitu bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebanyak RM2.72 juta dan Majlis Perbandaran Seberang Prai sebanyak RM2.07 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pemberian geran kecuali Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri, Geran Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Bantuan Bayaran Bil Elektrik Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat PBT disalurkan terus kepada Bendahari Negeri Pulau Pinang untuk tujuan membantu perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri.

Peirrberian Penyelenggaraan Jalan Negeri disalurkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri. Geran Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Bantuan Bayaran BII Elektrik Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat PBT disalurkan terus kepada PBT masing-masing melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru]

TARIKH : 18 MAC 2010

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) butiran terperinci harta tanah yang direzabkan sebagai tanah pembinaan masjid di Kuala Lumpur sejak tanah 1995 hingga 2010; dan
- (b) berikan butiran harta tanah tersebut yang telah dijual atau dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak dibangunkan masjid dan namakan pihak-pihak

NO. SOALAN:^

ketiga tersebut, jumlah nilai pindah milik dan nama peguam cara yang mengendalikan urusan tersebut.

**JAWAPAN: Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHARM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan harta tanah yang telah direzabkan sebagai tanah pembinaan masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak tahun 1995 hingga 2010 adalah sebanyak 67 lot tanah. Tanah tapak masjid yang telah didirikan masjid ialah 52 lot, manakala tanah tapak masjid yang masih kosong dan belum dibangunkan ialah 15 lot.
- (b) Tanah-tanah yang telah direzabkan sebagai tapak masjid tetapi tidak dibangunkan dengan masjid tidak pernah dijual atau dipindahmilik kepada pihak ketiga. Oleh itu, apa-apa urusan berkaitan dengannya tidak berbangkit sama sekali.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
TARIKH 18 MAC 2010 (KHAMIS)
SOALAN N0.60

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status program bantuan 100,000 buah komputer netbook kepada pelajar-pelajar universiti awam yang diumumkan dalam Bajet 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah berkerjasama dengan Telekom Malaysia Berhad (TM) bagi melancarkan pakej jalur lebar untuk pelajar IPTA dan IPTS tahun pertama dan kedua, yang dipanggil Streamyx Cool UNI Pack. Pakej ini menawarkan para pelajar satu gabungan yang merangkumi akses jalur lebar percuma dan netbook dari RM50 sebulan untuk tempoh 24 bulan. Pakej Streamyx Cool UNI Pack ini dilancarkan secara rasminya oleh Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, bersempena dengan Pelancaran Digital Pekan 1 Malaysia di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah di Pekan, Pahang.

Sehingga awal Mac 2010, jumlah keseluruhan pelajar yang telah melanggan pakej ini ialah seramai 2,756 orang pelajar. Pihak TM telah menjalankan sesi pendedahan mengenai pakej ini di beberapa institusi pengajian tinggi antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Multimedia Universiti Cyberjaya (MMU), UiTM Puncak Perdana, Universiti Islam Antarabangsa Pahang, Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah, Kolej IKIP, Institusi Kemahiran Belia Negara, Universiti Industri Selangor (UNISEL) Kampus Shah Alam dan UNIKL-MIA.

PEMBERIT AHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA KAWASAN

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED :

TARIKH NO. SOALAN

PULAI

18.03.2010 (KHAMIS)

DATUK NUR JAZLAN : 61

BIN

MOHAMED (Pulai) minta

Menteri

Perdagangan

Antarabangsa dan Industri menyatakan kejayaan pelaksanaan dasar penubuhan Heavy Industries Company atau HICOM yang menjadi teras kepada dasar perindustrian negara pada tahun 80-an dulu. Sila jelaskan secara terperinci secara jumlah modal, untung rugi dan pinjaman dari Kerajaan atau swasta yang dihasilkan oleh HICOM.

Tawapan

Tuan Yang Di Pertua,

HICOM Holdings Berhad (HICOM) bermula pada 27 November 1980 sebagai sebuah syarikat pemangkin untuk menggerakkan industri berat negara. HICOM juga merupakan perintis industri automotif yang telah menghasilkan kereta penumpang nasional, trak komersil dan bas yang pertama.

Pada 28 Februari 2000, HICOM bergabung dengan Diversified Resources Berhad (DRB), sebuah syarikat yang mempunyai pelbagai aktiviti perniagaan termasuk francis kenderaan dan pembangunan harta tanah. Dengan penggabungan ini,

terhasilah DRB-HICOM Berhad. Pada 8 Jun 2005, Kumpulan DRB-HICOM Berhad telah menjalani penstrukturran semula dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Syarikat Albukhary.

Tuan Yang Di Pertua,

Senarai pemegang ekuiti terbesar DRB-HICOM Berhad pada 31 Disember 2009 adalah seperti berikut :-

- | | |
|------------------------------------|-------|
| i) Etika Strategi Sdn. Bhd. | 55.9% |
| ii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 9.9% |
| iii) Khazanah Nasional | 5.39% |

Modal berbayar DRB-HICOM Berhad pada 31 Disember 2009 adalah RM1.93 bilion dan sehingga tarikh ini, DRB-HICOM Berhad tidak mempunyai pinjaman dari pihak Kerajaan. Namun, pada tahun 2006, DRB-HICOM memohon pinjaman dari institusi swasta sebanyak RM2.75 bilion. Setakat bulan Disember 2009, pinjaman daripada institusi swasta ini telah dikurangkan kepada RM1.5 bilion. Pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, DRB-HICOM Berhad telah mencapai hasil sebanyak RM6.1 bilion dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM774.9 juta.

SOALAN NO: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB TUAN CHOW KON YEOW
	[TANJONG]
TARIKH	18 MAC 2010

SOALAN :

Tuan Chow Kon Yeow [TANJONG] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan di Rancangan Malaysia Ke-10 untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur di kawasan warisan Georgetown, Pulau Pinang.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya komited untuk menyediakan kemudahan infrastruktur selaras dengan keperluan rakyat. Pada masa ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sedang disediakan dan projek-projek yang dicadangkan oleh Kementerian yang berkaitan serta pihak Kerajaan Negeri sedang dinilai untuk dipertimbangkan bagi pelaksanaan di bawah RMKe-10 kelak.

No. Soalan : W

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT.**

PERTANYAAN

MALAYSIA

DARIPADA

TUAN CHONG CHIENG JEN

TARIKH

18 MAC 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan telah diagihkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan sistem pengangkutan awam di Kuching, khususnya sistem bas umum. Bagaimana tentang prestasi sistem bas umum yang baru dilaksanakan kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM 19.67 juta bagi membiayai sistem pengangkutan awam di Sarawak. Walau bagaimanapun, peruntukan ini hanyalah untuk projek pengangkutan melalui sungai yang di kategorikan sebagai pengangkutan awam.

Peruntukan bagi pembangunan sistem pengangkutan awam darat khususnya bas untuk setiap negeri tidak disediakan di bawah RMKe-9. Kebanyakan pengusaha pengangkutan awam merupakan syarikat

persendirian manakala infrastruktur asas seperti terminal bas dan perhentian bas dibina oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Bagi menambahbaik mutu perkhidmatan pengangkutan awam di seluruh negara termasuk Sarawak, Kerajaan kini sedang menjalankan beberapa kajian bagi mengenalpasti punca dan masalah sistem pengangkutan awam di negara ini di samping mencari kaedah penyelesaian terbaik. Antaranya ialah Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Bagi Bandar-Bandar Utama di Malaysia dan Kajian *Sarawak Inland Waterway Transport System*.

Tuan Yang Di Pertua,

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Negeri Sarawak telah mengeluarkan sebanyak 40 Surat Tawaran Kelulusan (STK) kepada syarikat City Public Link Bus Services dalam usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di bandaraya Kuching terutamanya bas berhenti-henti.

Sebagai permulaan, City Public Link Bus Services Sdn. Bhd. telah memulakan operasi dengan 9 buah bas di lima laluan sekitar bandaraya Kuching dan ianya telah dilancarkan pada 16 Ogos 2009. Sehingga kini, jumlah bas City Public Link Bus Services Sdn. Bhd. yang telah beroperasi adalah sebanyak 19 buah bas di lapan laluan utama. Bilangan bas ini akan ditambah secara berperingkat-peringkat dan dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang akhir tahun 2010.

Maklumbalas yang diterima daripada pengguna berkenaan bas berhenti-henti yang baru beroperasi ini amat positif dan ianya mendapat sambutan yang begitu menggalakkan. Aspek jadual serta masa perjalanan yang

konsisten, keselesaan serta keselamatan penumpang dan juga fizikal kenderaan yang amat memuaskan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kepuasan pengguna dan seterusnya kepada perkhidmatan pengangkutan awam di bandaraya Kuching.

Pengoperasian bas berhenti-henti ini diharapkan dapat memberi impak yang positif serta manfaat kepada seluruh masyarakat dan secara tidak langsung akan meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di bandaraya Kuching khasnya serta negeri Sarawak amnya.

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

[IPOH BARAT]

TARIKH 18 MAC 2010

RUJUKAN 2363

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejak tahun 2008, jumlah akhbar yang telah dikenakan tindakan oleh Kerajaan mengikut jenis kesalahan yang disabitkan.

Tuan Yang Di Pertua,

JAWAPAN:

Sejak tahun 2008, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan terhadap 41 akhbar mengikut peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301).

Kementerian telah mengeluarkan sejumlah 97 surat nasihat, 18 surat teguran, 4 surat amaran dan 3 surat tunjuk sebab kepada akhbar pelbagai bahasa tempatan kerana kesalahan menyalahi Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian seperimana yang digariskan mengikut Akta berkenaan.

Antara kesalahan yang dilakukan oleh pihak akhbar ialah menyiaran bahan-bahan yang memudaratkan kemoralan, memudaratkan ketenteraman awam dan memudaratkan kepentingan awam serta memudaratkan kepentingan negara.

NO. SOALAN : 65 PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB TUAN TONY PUA KIAM WEE

[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH 18 MAC 2010

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab Tan Sri Hassan Merican telah diganti sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Petronas walaupun prestasinya adalah cemerlang sejak pelantikannya pada tahun 1995. Apakah rasional Omar Mustapha dilantik sebagai Pengarah Petronas, dan sebab peiantikan beliau ditolak oleh Tan Sri Hassan Merican.

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

JAWAPAN: MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan tidak menafikan bahawa Y.Bhg. Tan Sri Hassan Merican mempunyai pengalaman yang luas dalam industri petroleum. Beliau juga telah berkhidmat dengan cemerlang dalam Petronas sejak tahun 1989 sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan sebelum dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam tahun 1995.

Perlantikan Y.Bhg. Dato' Shamsul Azhar sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif yang baru juga adalah berasaskan prinsip yang sama di mana beliau juga mempunyai pengalaman yang luas dan prestasi yang cemerlang semasa perkhidmatan beliau di Petronas. Beliau mula berkhidmat dengan Petronas pada tahun 1974 dan pernah memegang beberapa jawatan kanan iaitu Naib Presiden Perniagaan Minyak, Naib Presiden Petrokimia, Naib Presiden Eksplorasi (Upstream) dan Naib Presiden Maritim dan Logistik.

Namun begitu, perlantikan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas dan juga ahli Lembaga Pengarahnya adalah di bawah bidang kuasa penuh Y.A.B. Perdana Menteri berdasarkan pada Akta Pembangunan Petroleum 1974.

Tentang kenapa Y.Bhg. Tan Sri Hassan Merican menolak perlantikan Omar Mustapha sebagai Pengarah Petronas, persoalan ini haruslah ditujukan kepada beliau dan bukannya kepada kerajaan.

Sekian, Terima kasih.

Soalan No : 66

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)

TARIKH 18.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian dapat membantu pelajar-pelajar luar bandar yang mendapat biasiswa dengan memajukan nama-nama mereka kepada pihak yang memberi biasiswa memandangkan ramai pelajar-pelajar di luar bandar tidak mengetahui cara dan di mana untuk mendapatkan biasiswa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan pelbagai jenis bantuan pendidikan kepada semua murid yang layak termasuklah bantuan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU) dan bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Selain daripada data yang diperolehi dari e-Kasih, ibu bapa atau penjaga murid juga boleh memohon bantuan tersebut melalui pihak sekolah dan diajukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Manakaia bagi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiari, ibu bapa, penjaga atau murid berkenaan boleh mendapatkan maklumat dan bantuan selanjutnya tentang peluang dan senarai bantuan yang disediakan oleh pelbagai pihak daripada pihak kaunseling di sekolah.

SJ.B/(27)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA

DATO' SERI TENGKU AZLAN IBN1
ALMARHUM SULTAN ABU
BAKAR (JERANTUT)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH

No : 67.

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar (Jerantut) **minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah** benar pendapatan Petronas berkurangan sebanyak RM58 bilion. Kalau benar, apakah kesan terhadap perbelanjaan kewangan Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pendapatan Petronas berkurangan sebanyak RM59 bilion berdasarkan iaporan kewangan Petronas yang belum diaudit bagi tempoh 6 bulan berakhir 30 September 2009 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2008. Pengurangan ini dijangka tidak akan menjaskankan pendapatan Kerajaan kerana terdapat tambahan hasil ekoran daripada langkah-langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2010. Manakala dividen Petronas bagi tahun 2010 masih dikekalkan sebanyak RM30 bilion.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA: PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
Y.B. TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]

TARIKH : 18 MAC 2010

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan status permohonan peruntukan khas YAB Perdana Menteri yang dikemukakan oleh saya sebelum bulan Ramadan tahun 2009.

- (a) Kenapa masih tiada maklum balas daripada pegawai PPNJ yang dipertanggungjawabkan; dan
- (b) Apakah piawaian yang digunakan untuk mengendalikan dan menilaikan permohonan yang dikemukakan oleh seseorang Ahli Parlimen pembangkang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Permohonan program/projek yang dibuat di bawah peruntukan khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen Bakri yang dikemukakan oleh Y.B. Tuan Er Teck Hwa tidak diluluskan kerana ianya bukanlah keperluan yang mendesak yang perlu diberi keutamaan buat masa ini.

Pegawai Kemajuan Negeri membuat penilaian ke atas semua permohonan program/projek di bawah Peruntukan Khas Y. A.B Perdana Menteri Untuk Kawasan Parlimen sebelum melulus dan melaksanakannya . Antara penilaian yang dibuat ialah:

- (i) Pertimbangan ke atas permohonan program/projek dibuat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan yang diasaskan kepada keputusan-keputusan Jemaah Menteri dan Y.A.B. Perdana Menteri dari semasa ke semasa;
- (ii) Program/ projek adalah merupakan keperluan yang benar-benar diperlukan oleh rakyat, mendesak dan perlu diberi keutamaan; dan

(iii) Program/projek yang dilaksana mempunyai '*value for money*' (dengan izin).

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PE RT AN YA AN	LISA N
TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]		

TARIKH JAWAPAN :18 MAC 2010 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN NO. 69

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah sering kali berlaku tergandalanya perkhidmatan air dan elektrik pada musim perayaan; dan
- (b) apakah sebabnya masalah yang berpuluh-puluh tahun ini masih sukar diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berhubung isu perkhidmatan bekalan elektrik, Kementerian saya

bersama TNB sentiasa peka dan prihatin terhadap kehendak pengguna dalam memastikan pembekalan elektrik adalah mencukupi,

selamat, berdaya harap dan berkualiti serta pada kadar tarif yang ekonomik dan berdaya saing, setaraf atau lebih baik berbanding dengan utiliti terbaik dunia.

Sehubungan ini, pihak TNB telah melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan dayaharap pembekalan elektrik. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa gangguan bekalan masih juga berlaku di musim-musim perayaan di mana gangguan tersebut adalah secara terpencil yang melibatkan beberapa pengguna sahaja dan bekalan telah dipulihkan dengan segera. Gangguan bekalan ini adalah biasanya berpunca dari peningkatan penggunaan elektrik secara mendadak di musim tersebut. Pihak TNB akan menyediakan kakitangan tambahan yang bersedia atau *standby*, dengan izin untuk memastikan gangguan bekalan dapat dipulihkan dengan segera. Di samping itu, projek-projek peningkatan sistem akan terus dilaksanakan bagi memastikan bekalan elektrik yang berterusan dapat dinikmati oleh pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Usaha-usaha berterusan ke arah penambahbaikan perkhidmatan bekalan elektrik yang dijalankan oleh TNB sejak beberapa tahun lalu telah menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2009, *System*

Average Interruption Duration Index (SAIDI) direkodkan pada 72 minit/pengguna setahun berbanding sebanyak 87 minit/pengguna setahun pada tahun 2008.

Bagi tahun kewangan 2009/2010, pihak TNB telah memperuntukkan belanjawan melebihi RM2.7 billion yang meliputi aktiviti-aktiviti utama seperti pembinaan pencawang masuk utama, pencawang pengagihan utama, perentangan talian dan kabel-kabel baru, penggunaan teknologi (pantauan dan kawalan) serta pemuliharaan (*rehabilitation*) sistem sedia ada. Perancangan ini adalah menjurus kepada peningkatan dayaharap sistem yang dapat mengurangkan gangguan kepada perkhidmatan pembekalan elektrik.

Peningkatan daya harap sistem secara berterusan memerlukan pelaburan yang lebih tinggi yang berkemungkinan besar menyebabkan peningkatan kos pembekalan elektrik secara keseluruhan, sebagaimana yang telah dialami oleh utiliti-utiliti lain seperti Jepun dan Singapura bagi mencapai tahap SAIDI yang rendah. Perancangan yang amat teliti diperlukan dengan mengambil kira kehendak semua pihak yang berkepentingan demi memastikan semua pengguna mendapat perkhidmatan yang

terbaik.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi isu perkhidmatan bekalan air pula, Kerajaan secara keseluruhannya sedang berusaha untuk meningkatkan lagi infrastruktur air di seluruh negara bagi mengurangkan kesulitan yang dialami oleh pengguna terutamanya di musim perayaan.

Beberapa langkah interim yang diambil oleh pihak operator air untuk mengatasi masalah gangguan bekalan air di musim tersebut adalah seperti menyediakan bekalan air tambahan melalui lori tangki yang akan dihantar ke kawasan - kawasan yang dijangka terjejas teruk semasa musim perayaan dan meningkatkan kapasiti pengeluaran di loji-loji rawatan air sedia ada ke tahap maksimum untuk memenuhi permintaan di musim tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Masalah gangguan bekalan air di musim perayaan adalah berpunca daripada permintaan terhadap bekalan air yang meningkat secara mendadak sehingga melebihi tiga kali ganda daripada keperluan semasa. Memandangkan kebanyakan kapasiti loji rawatan air direka bentuk mengikut keperluan normal di luar

musim perayaan bagi satu-satu kawasan, keperluan yang mendadak ini telah menyebabkan loji tidak berupaya membekalkan air secukupnya untuk tempoh musim perayaan tersebut. Kerajaan sememangnya prihatin dengan masalah ini. Namun begitu, adalah didapati tidak ekonomik pula untuk membina loji berkapasiti besar yang keperluannya untuk tempoh yang singkat terutamanya di musim perayaan.

Oleh itu, langkah yang paling sesuai ialah untuk menaik taraf loji-loji ini supaya mempunyai margin rizab yang bersesuaian bagi digunakan untuk menampung keperluan *ad hoc* sedemikian. Usaha ini sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan kemampuan kewangan Kerajaan dalam setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di bawah RMKe-9, antara projek yang telah dirancang dan dilaksanakan bagi menangani masalah kekurangan air terutamanya di musim perayaan adalah program bagi Membaik Pulih dan Menaik Taraf Sistem Bekalan Air seperti di negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Kelantan, Terengganu, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.

PERTANAYAN	LISAN
DARIPADA	YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PERMATANG PAUH)
TARIKH	18 MAC 2010

SOALAN YBDato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran implikasi kewangan berikutan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (PTK); mengapa PTK tidak dibentangkan di dalam Dewan Rakyat untuk dibahas bagi kelulusannya.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

Seperti yang telah dilaporkan di dalam dan di luar Dewan Rakyat, penggubalan Pelan Halatuju Program Transformasi Kerajaan (PTK) atau *Government Transformation Program (GTP)* adalah berdasarkan kepada banyak punca maklumbalas secara langsung dan tidak langsung dari rakyat untuk mengenalpasti bidang-bidang tumpuan untuk dilaksanakan supaya mendatangkan faedah bagi rakyat jelata dan kumpulan-kumpulan sasaran.

Enam bidang keberhasilan utama negara atau NKRA (National Key Results Areas) telah ditetapkan untuk dilaksanakan iaitu: meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, menambah baik pengangkutan awam, memerangi rasuah, mengurangkan kadar jenayah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman serta meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah.

Pelan-pelan Penyampaian (delivery plans) secara terperinci bagi setiap NKRA telah dipamerkan dan sesi-sesi perbincangan telah diadakan bagi orang awam semasa Hari Terbuka GTP di Sunway Pyramid, Kuala Lumpur 17-18 Disember 2009. Ini merupakan satu pendekatan yang terbuka dan telus.

Semua ahli Dewan Rakyat telah dijemput ke Hari Terbuka GTP ini. Beberapa ahli Dewan Rakyat dari parti-parti pemerintah dan parti-parti pembangkang telah meluangkan masa menghadiri Hari Terbuka tersebut. Hasil daripada Hari Terbuka yang juga diadakan di Kuching dan Kota Kinabalu, Pelan Halatuju PTK atau GTP Roadmap telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri. GTP Roadmap ini telah dilaporkan dalam suratkhabar dan diedar melalui laman web : www.transformation.gov.my.

Buku *GTP Roadmap* yang diterbit dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, bersama dengan cakera padat (CD) telah

dibentangkan atas meja setiap ahli Dewan Rakyat pada 17 Mac 2010. Ahli-ahli Dewan Rakyat boleh merujuk dan menggunakan buku ini dalam perbahasan Mengucap Usui

No. SOALAN: 70

PERTANYAAN LISAN

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang sedang berlangsung.

Seberapa yang boleh, pelaksanaan enam (6) NKRA ini sedang dan akan menggunakan peruntukan yang telah disediakan di bawah Belanjawan 2010. Walau bagaimanapun, belanjawan tambahan dijangka diperlukan. Ini akan dikemukakan dalam Belanjawan Tambahan yang akan dibentangkan dalam Dewan Yang Mulia ini dalam sesi ini.

NO. AUP : ^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH 18 MAC 2010

RUJUKAN 2365

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah alasan kelewatan mendaftar Pertubuhan Parti Sosialis

Malaysia (PSM) yang mengambil masa lebih kurang 10 tahun dibandingkan dengan Parti Makkal Sakhti yang hanya mengambil masa lebih kurang 10 hari untuk didaftarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Kelewatan pendaftaran Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah disebabkan permohonan pendaftaran PSM telah ditolak pada awalnya dan kemudian melibatkan proses rayuan di peringkat Kementerian Dalam Negeri. Selain itu, keputusan penolakan Pendaftar terhadap permohonan PSM ini juga telah telah dicabar di mahkamah.

Tuan Yang DiPertua,

Permohonan pendaftaran PSM telah dikemukakan pada 30 April 1998 dan telah ditolak pada 27 Januari 1999 mengikut Seksyen 7(3)(e) Akta Pertubuhan 1966. PSM selanjutnya pada 23 Februari 1999 telah mengemukakan rayuan kepada Kementerian Dalam Negeri tetapi masih tidak berjaya kerana PSM didapati tidak memenuhi syarat penubuhan pertubuhan di peringkat kebangsaan serta tidak melepas Tapisan Keselamatan Polis DiRaja Malaysia. Keputusan rayuan dari Kementerian Dalam Negeri dikeluarkan pada 15 September 1999.

PSM seterusnya telah mencabar keputusan penolakan pendaftaran pertubuhan tersebut di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan seterusnya di Mahkamah Persekutuan Rayuan. Walau bagaimanapun, penyelesaian telah dibuat di luar mahkamah di antara Jabatan Peguam Negara dan PSM dimana PSM telah bersetuju untuk mengemukakan permohonan baru.

Oleh itu, permohonan baru PSM telah dikemukakan pada 25 Jun 2008 dan telah diluluskan pada 19 Ogos 2008. Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dijelaskan di atas menyebabkan kelewatan berlaku ke atas pendaftaran Parti Sosialis Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai permohonan Parti Makkal Sakti Malaysia yang telah dibangkitkan, dimaklumkan bahawa pendaftaran parti ini telah diterima pada 28 April 2009 dan diluluskan pada 11 Mei 2009. Permohonan tersebut adalah teratur berdasarkan ketetapan Akta Pertubuhan 1966 serta matlamat penubuhannya didapati tidak bertentangan dengan keselamatan serta undang-undang negara.

Soalan No: 72

**PEMBERIT AHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Dr. Lee Boon Chye

[Gopeng]

TARIKH

18 Mac 2009 (Khamis)

SOALAN

72

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk memastikan projek Port Klang Free Zone berjaya dan tidak membebankan rakyat.

TAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang mulia ini, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dan Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. (PKFZ) yang juga di bawah penyelarasan Kementerian Pengangkutan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan projek PKFZ berjaya. Antaranya adalah tindakan-tindakan mempromosikan PKFZ di dalam dan di luar negara termasuk di Jepun, China, Taiwan dan United Kingdom. Kementerian akan terus bekerjasama dengan kedua-dua LPK dan PKFZ Sdn. Bhd. untuk meneliti usaha-usaha lain yang wajar.

Dalam pada itu, Kerajaan telah juga mengenalpasti dan memperakukan langkah-langkah dan strategi yang boleh diambil untuk menjadikan PKFZ lebih berdaya maju dan berjaya dan usaha ini masih berjalan.

Antara langkah-langkah untuk menambah baik operasi di PKFZ dan menjadikannya lebih menarik yang telah diluluskan adalah:

- (a) memberi kemudahan *Customs Golden Client* kepada penyewa di PKFZ;
- (b) Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MID A) bertindak sebagai *one stop centre* (OSA) bagi mempertimbangkan semua permohonan pelaburan di PKFZ; dan
- (c) syarikat asing di PKFZ yang menjalankan 100% aktiviti eksport dan pengeksportan semula dikecualikan daripada garis panduan penyertaan asing di dalam sektor perdagangan pengedaran.

